



Representasi Lirik Lagu Rap Kmy Kmo Dan Luca Sikta
Satu Analisis Kepengarangan

Naizatul Nazira binti Abdul Aziz

C19A0364

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada
syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

TANDATANGAN



Naizatul Nazira binti Abdul Aziz
C19A0364
Tarikh : 22 FEBRUARI 2023

TANDATANGAN PENYELIA



DR. NORDIANA BINTI AB JABAR
Jabatan Pengajian Warisan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan.
nordiana.aj@umk.edu.my
0173907819

Dr Nordiana binti Ab Jabar
Tarikh : 22 FEBRUARI 2023

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”
Segala puji dan syukur kepada Ilahi, yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, penyelidikan dan penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat pensyarah saya, Dr. Nordiana binti Ab Jabar atas bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan kajian tesis ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat keluarga tercinta kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih kepada rakan-rakan taulan yang meghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak perpustakaan dari Universiti Malaysia Kelatan yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan tesis ini. Akhir kata, semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Naizatul Nazira binti Abdul Aziz
POS 38A JLN KG MAMPAN,
SIMPANG LIMA
83000 BATU PAHAT
JOHOR
E-mel : nazira.c19a0364@siswa.umk.edu.my

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
ABTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.6.1 Individu	7
1.6.2 Masyarakat	8
1.6.3 Negara	8
1.7 Definisi Konsep	9
1.7.1 Lirik Lagu	9
1.7.2 Representasi	1
1.7.3 Kepengarangan	1
1.8 Batasan Kajian	2
1.9 Kesimpulan	3
	1
	4
BAB 2 KAJIAN LEPAS	15
2.1 Pengenalan	1
2.2 Kajian Lepas Mengenai Representasi	5
2.3 Kajian Lepas Mengenai Lirik Lagu	16
2.4 Kajian Lepas Mengenai Analisis Kepengarangan	24
	29

2.5	Kajian Lepas Mengenai Teori Teksdealisme	35	
2.6	Kesimpulan	37	
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		38	
3.1	Pengenalan	38	
3.2	Rekabentuk Kajian	39	
	3.2.1	Rekabentuk Kajian Kualitatif	39
	3.2.1.1	Kaedah Analisis Teks	40
	3.2.1.2	Kaedah Pengumpulan Data	40
	3.2.1.3	Kaedah Kepustakaan	41
	3.2.1.4	Kaedah Internet	41
	3.2.1.5	Kaedah Soal Selidik	42
3.3	Penerapan Teori	43	
	3.3.1	Teori Teksdealisme	43
	3.3.2	Prinsip Kehadiran	44
3.4	Kesimpulan	44	
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		45	
4.1	Pengenalan	45	
4.2	Tema Lirik Lagu Rap Melalui Pemikiran Kmy Kmo Dan Luca Sikta	47	
	4.2.1	Kemasyarakatan	47
	4.2.2	Moral	53
	4.2.3	Ketuhanan	57
4.3	Konsep Puisi Lirik Lagu Rap Kmy Kmo Dan Luca Sikta	61	
	4.3.1	Gaya Bahasa	61
	4.3.1.1	Gaya Bahasa Metafora	64
	4.3.1.2	Gaya Bahasa Sinkof	68
	4.3.1.3	Gaya Bahasa Hiperbola	71
	4.3.2	Fungsi Puisi Dalam Lirik Lagu	74
	4.3.2.1	Pendidikan	74
	4.3.2.2	Pengajaran	75
4.4	Impak Lirik Lagu Kepada Pelajar Universiti Malaysia Kelantan	77	
	4.4.1	Analisis Jantina Responden	78

	4.4.2	Analisis Umur Responden	79
	4.4.3	Analisis Bangsa Responden	80
	4.4.4	Analisis Pengaruh Bahasa Puitis	81
	4.4.5	Analisis Pengaruh Masyarakat	86
BAB 5	PENUTUP		93
5.1	Pengenalan		93
5.2	Perbincangan		94
5.3	Cadangan		96
5.4	Kesimpulan		99
RUJUKAN			100

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1 : Senarai lirik lagu	46
Jadual 2 : Gaya bahasa berdasarkan lirik lagu	63
Jadual 3: Latar belakang responden	77
Jadual 4 : Jantina responden	78
Jadual 5 : Umur responden	79
Jadual 6 : Bangsa responden	80
Jadual 7: Memahami mengenai bahasa puitis	81
Jadual 8 : Mengenali lirik lagu Kmy Kmo dan Luca Sikta	82
Jadual 9 : Bahasa puitis dapat mempengaruhi kehidupan pada masa kini	83
Jadual 10 : Bahasa puitis wajar didedahkan pada peringkat awal di sekolah	84
Jadual 11 : Lagu rap boleh mempengaruhi pemikiran pelajar UMK	86
Jadual 12 : Lirik lagu rap dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat	87
Jadual 13 : Lirik lagu rap mengandungi nilai moral	88
Jadual 14 : Lirik lagu rap mengandungi mesej yang positif	89
Jadual 15 : Lirik lagu rap ini mempengaruhi jiwa anda	90
Jadual 16 : Lirik lagu rap ini diangkat sebagai medium untuk menghubungkan sosial masyarakat	91

UNIVERSITI
 ━━━━━━
 MALAYSIA
 ━━━━━━
 KELANTAN

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1 : Jantina responden	78
Rajah 2 : Umur responden	79
Rajah 3 : Bangsa responden	80
Rajah 4 : Memahami mengenai bahasa puitis	81
Rajah 5 : Mengenali lirik lagu Kmy Kmo dan Luca Sikta	82
Rajah 6 : Bahasa puitis dapat mempengaruhi kehidupan pada masa kini	83
Rajah 7 : Bahasa puitis wajar didedahkan pada peringkat awal di sekolah	84
Rajah 8 : Lagu rap boleh mempengaruhi pemikiran pelajar UMK	86
Rajah 9 : Lirik lagu rap dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat	87
Rajah 10 : Lirik lagu rap mengandungi nilai moral	88
Rajah 11 : Lirik lagu rap mengandungi mesej yang positif	89
Rajah 12 : Lirik lagu rap ini mempengaruhi jiwa anda	90
Rajah 13 : Lirik lagu rap ini diangkat sebagai medium untuk menghubungkan sosial masyarakat	91

UNIVERSITI
 ━━━━━━
 MALAYSIA
 ━━━━━━
 KELANTAN

REPRESENTASI LIRIK LAGU RAP KMY KMO : SATU ANALISIS

KEPENGARANGAN

ABSTRAK

Industri hiburan merupakan salah satu platform yang sangat memberi kesan kepada masyarakat kini. Lirik juga salah satu bahan sastera yang boleh diangkat kerana memiliki definisi yang tersendiri. Terdapat banyak genre dalam sebuah lagu ini dapat meningkatkan lagi keunggulan pengarang itu sendiri. Kajian ini dilakukan kerana pengkaji mendapati bahawa pendengar lagu-lagu rap pada masa kini hanya sekadar dengar. Pendengar pada masa kini lebih memahami lirik yang mengandungi makna secara terus berdasarkan tajuk lagu berbanding lagu yang memiliki maksud tersirat disebalik lirik tersebut. Seterusnya, objektif utama kajian ini adalah mengenalpasti tema pemikiran penulis lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta, menghuraikan konsep puisi lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta, dan menganalisis impak lirik lagu rap kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Rekabentuk kajian yang digunakan adalah rekabentuk kualitatif iaitu digunakan untuk pengumpulan data, kaedah kepustakaan seperti artikel, buku, majalah, dan tesis serta kaedah internet. Teori teksdealisme dijadikan sebagai sandaran untuk meneliti dan merungkaikan setiap bait-bait lirik lagu rap berdasarkan konsep puisi yang terdapat dalam lirik lagu rap. Hasil kajian mendapati bahawa lagu rap seperti *Zuhud, Nekad, Gong Nekara, Neraca, 7 Nasihat, Makuta, Playaz, No Way, Perjalanan, Hamba, Bersama Kita, Sifar, Dua Puluh, Jakun Dengan Mimpi, Wejangan Indra, dan Demi Mu Kekasih* merupakan sebuah karya berbentuk lagu yang memiliki ciri puisi berhasil dalam penyampaian implisit sebagai memberi pesanan, sindiran halus, dan nasihat kepada masyarakat ini agar sentiasa berjaga-jaga dengan situasi kini agar tidak sesat jalan kelak nanti.

Kata Kunci : *keunggulan pengarang, lirik lagu rap, Teori Teksdealisme*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Lyric Representation of Kmy Kmo Rap Song: One Authorship Analysis

ABSTRACT

The entertainment industry is one of the platforms that have a great impact on society today. Lyric is also one of the literary materials that can be lifted because it has its definition. Many genres in this song can further enhance the superiority of the author himself. This study was done because the researcher found that listeners of rap songs nowadays just listen. Today's listeners better understand lyrics that contain meaning directly based on the song title than songs that have an implicit meaning behind the lyrics. Next, the main objective of this study is to identify the theme of the thoughts of rap song lyricists Kmy Kmo and Luca Sikta, describe the concept of rap song lyrics by Kmy Kmo and Luca Sikta, and analyze the impact of rap song lyrics on the students of Universiti Malaysia Kelantan (UMK). The research design used is a qualitative design which is used for data collection, library methods such as articles, books, magazines, and theses, and internet methods. The theory of textualism is used as a backup to examine and analyze each verse of rap song lyrics based on the concept of poetry found in rap song lyrics. The results of the study found that rap songs such as Zuhud, Nekad, Gong Nekara, Neraca, 7 Nasihat, Makuta, Playaz, No Way, Trajangan, Hamba, Bersama Kita, Sifar, Dua Puluh, Jakun Dengan Mimpi, Wejangan Indra, and Demi Mu Kekasih are a work in the form of a song that has the characteristics of poetry results in an implicit delivery as a message, subtle sarcasm, and advice to this community to always be on guard with the current situation so as not to go astray in the future.

Keywords: *author superiority, rap song lyrics, Textdealism Theory*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN


1.1 PENGENALAN

Di Malaysia industri hiburan merupakan salah satu industri yang boleh dikatakan semakin hari semakin berkembang. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak muzik dan lagu dihasilkan oleh penulis lirik terkenal di tanah air ini. Bakat yang wujud di dalam diri penulis lirik digunakan sebaiknya. Melalui muzik ini ia menjadi satu platform hubungan bagi menyatakan sesuatu kepada pendengar. Menurut Campbell (1995) muzik ialah seni yang memfokuskan kepada pendengaran. Pada masa kini masyarakat sangat dekat dengan muzik. Hal ini kerana lirik lagu yang ditulis telah masuk ke dalam jiwa mereka tanpa sedar. Dengan itu, keindahan yang terdapat dalam salah satu genre muzik melalui lirik lagu boleh dikatakan salah satu keunikan. Lirik lagu yang dihasilkan juga menjentik emosi pendengar secara tidak langsung. Buktinya terdapat beberapa buah lagu yang ditulis dalam bentuk puisi. Lirik lagu adalah luahan hati seseorang tentang perkara-perkara indah yang pernah mereka lihat, dengar atau alami. Setiap lagu ditampilkan dengan cara luahan idea melalui lirik lagu, dikuatkan dengan jenis melodi dan irama yang sesuai dengan lirik dan warna serta suara penyanyi. Terdapat beberapa buah lagu kini terutama lagu rap memiliki keindahan tersendiri.

Buktinya lirik lagu yang ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta ini pernah menjadi fenomena pada satu ketika dulu. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sangat terkenal dengan lirik lagu yang unik dan berbeza. Kmy Kmo dan Luca Sikta merupakan nama pentas mereka. Oleh itu, nama sebenar penyanyi dan penulis lirik lagu rap ini adalah Lukmanul Hakim. Beliau dikenali sebagai Kmy Kmo. Kmy Kmo dilahirkan di negeri Pahang. Beliau telah berkecimpung dalam dunia muzik sejak tahun 2003 dan genre muzik yang dibawa oleh beliau adalah Hip Hop atau Rap. Manakala rakan duo Kmy Kmo adalah Shameer Ashraf Shahruddin (Luca Sikta). Beliau juga berasal daripada negeri Pahang dan telah mencebur ke bidang muzik sejak tahun 2013 sebagai penyanyi, komposer, dan penulis lirik. Mereka merupakan salah seorang pejuang seni rap intelektual Melayu dalam dunia hip hop tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep ritma atas puisi, karya ciptaan yang sarat dengan tradisi kemelayuan dari segi bahasanya. Genre yang dibawa adalah sama seperti rakan duo beliau. Mereka merupakan anak didik kepada rapper lagenda Malaysia iaitu Malique Ibrahim. Lirik lagu yang digunakan dalam kajian ini adalah lagu *Zuhud, Nekad, Gong Nekara, Neraca, 7 Nasihat, Makuta, Playaz, No Way, Perjalanan, Hamba, Bersama Kita, Sifar, Dua Puluh, Jakun Dengan Mimpi, Wejangan Indra, dan Demi Mu Kekasih*. Lirik lagu ini ditulis berdasarkan mengenai pesanan kepada pendengar agar tidak bersifat sompong dengan nikmat yang diberikan di dunia, dan kisah sebenar alat muzik tradisional yang digunakan sebagai simbolik kebudayaan.

Kajian ini mengkhususkan kepada representasi yang terkandung dalam lirik lagu Kmy Kmo dan Luca Sikta berdasarkan satu analisis kepenggarangan. Kajian ini merupakan satu usaha bagi menganalisis pengaruh puisi wujud di dalam lirik lagu rap oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta. Kajian ini juga dilakukan bagi mengenalpasti tema pemikiran penulis lirik lagu rap ini. Ketiga-tiga lirik lagu ini memperlihatkan pemikiran penulis berdasarkan pengalaman dan pemerhatian yang dihadap oleh mereka lalu diluahkan dengan lirik lagu.

Kajian ini turut memperlihatkan bahawa pengaruh puisi telah diterapkan oleh mereka dalam penghasilan lagu-lagu tersebut. Dengan itu, teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Teksdealisme. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti, menghuraikan, dan menganalisis mengenai pemikiran penulis lirik melalui kepenggarangan Kmy Kmo dan Luca Sikta di dalam lirik lagu tersebut berdasarkan pengaruh puisi. Kajian ini dapat memberi pengetahuan yang pelbagai kerana elemen yang diterapkan di dalam lirik lagu tersebut mampu dikaji oleh pengkaji.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada hari ini kajian mengenai lirik lagu banyak dijadikan sebagai medium analisis pengkaji. Namun begitu, lirik lagu yang dikaji tidak berfokus berdasarkan jenis-jenis genre muzik yang wujud di dalam Malaysia. Melalui penulisan lirik lagu ini terdapat pengaruh puisi yang terjadi melalui inspirasi melalui pengalaman hidup sehari-hari. Kajian melalui lirik lagu ini dilakukan pengkaji untuk meluahkan idea dengan pesanan kepada pendengar. Kajian mengenai lirik lagu adalah sebuah kajian yang sangat menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana lirik dan lagu adalah satu gabungan yang tidak dapat disatukan. Lirik lagu memiliki elemen yang harmoni dan cantik. Menurut Ahmad Fedtri Yahya (2009), lagu berfungsi sebagai wadah hiburan dan halwa telinga, dan agar lebih berminat untuk mempelajari lebih lanjut mengenai kandungan liriknya.

Lirik yang mengandungi pengajaran akhlak boleh dibahagikan mengikut jenisnya sendiri supaya isinya boleh diaplikasikan dalam kehidupan manusia. Ini kerana kadangkala lirik di setiap lagu mempunyai elemen yang unik dalam penyampaian. Lirik lagu ini tidak boleh dilihat sebagai hiburan yang murni, namun sebaliknya banyak faedah yang boleh diperoleh daripada melodi. Lagu ini biasanya menyampaikan mesej sosial dan rohani iaitu dengan berbekalkan kekuatan bahasa yang dimiliki oleh penulis lirik.

Berikutnya dengan hal itu, tidak dapat dinafikan bahawa lirik lagu seperti lagu rap ini memiliki kaitan dengan bahasa yang khas atau istimewa. Susunan lirik lagu yang mengandungi makna tersirat. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran penulis dalam penghasilan lirik lagu dikaji dengan menganalisis penggunaan gaya bahasa dalam bait-bait lirik lagu terpilih. Di setiap bait-bait lirik lagu rap hasil nukilan Kmy Kmo dan Luca Sikta memiliki keindahan yang boleh dilihat daripada pemikiran yang diluahkan berdasarkan gaya bahasa yang sesuai.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Di dalam kajian ini terdapat permasalahan yang boleh dikaitkan dengan topik ini. Antara permasalahan yang wujud di dalam kajian ini adalah daripada aspek pendengaran pendengar. Pendengar kekurangan pengetahuan terhadap makna keindahan yang wujud pada lirik lagu rap yang telah ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa dan penyusunan ayat yang mendalam maknanya telah serba sedikit menyukarkan bagi pendengar mengetahui makna bagi lagu-lagu tersebut. Pendengar pada masa kini lebih memahami lirik yang mengandungi makna secara terus berdasarkan tajuk lagu berbanding lagu yang memiliki maksud tersirat disebalik lirik tersebut. Sebagai contoh lagu rap yang ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta iaitu *Zuhud, Nekad, Gong Nekara, Neraca, 7 Nasihat, Makuta, Playaz, No Way, Perjalanan, Hamba, Bersama Kita, Sifar, Dua Puluh, Jakun Dengan Mimpi, Wejangan Indra, dan Demi Mu Kekasih*. Penulis lirik lagu ini tidak dikenali kerana mereka jarang muncul di media sosial dan banyak bekerja di belakang tabir.

Selain itu, kajian ini juga mengemukakan permasalahan berkaitan Teori Teksdealisme yang sering digunakan untuk mengkaji kandungan kepengarangan yang wujud di dalam lirik lagu rap. Tidak semua prinsip yang ada di dalam teori ini sesuai untuk dijadikan analisis. Teori ini biasanya digunakan hanya untuk mengkaji keunggulan yang terdapat di dalam lirik lagu rap hasil daripada Kmy Kmo dan Luca Sikta. Teori ini adalah susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Beberapa persoalan kajian telah dikemukakan untuk menentukan objektif kajian yang hendak dicapai:

- i. Apakah tema pemikiran penulis lirik lagu rap iaitu Kmy Kmo dan Luca Sikta?
- ii. Bagaimanakah konsep puisi mempengaruhi lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta?
- iii. Adakah lirik lagu rap memberi impak kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK)?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti tema pemikiran penulis lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta.
- ii. Menghuraikan konsep puisi lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta.
- iii. Menganalisis impak lirik lagu rap kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil daripada kajian ini akan menjelaskan sejauhmana lirik lagu yang ditulis Kmy Kmo dan Luca Sikta iaitu *Zuhud, Nekad, Gong Nekara, Neraca, 7 Nasihat, Makuta, Playaz, No Way, Perjalanan, Hamba, Bersama Kita, Sifar, Dua Puluh, Jakun Dengan Mimpi, Wejangan Indra, dan Demi Mu Kekasih* dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Kajian ini berfungsi untuk mengajar, mendidik, dan menjadi bahan fikir kepada individu, masyarakat dan negara.

1.6.1 Individu

Hasil kajian ini menambahkan ilmu pengetahuan seseorang pendengar dalam hal kepenggarangan. Di dalam lirik lagu rap ini dapat membuka ruang untuk penambahan perbendaharaan bahasa yang estetik. Hal ini dikatakan demikian lirik lagu yang dihasilkan oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta memiliki keindahan yang sangat menakjubkan sehingga pengkaji perlu mendengar berulang-ulang kali lagu tersebut bagi memahami makna tersirat yang wujud di dalam lagu-lagu tersebut. Pendengar juga dapat mengetahui bahawa terdapat penggunaan gaya bahasa di dalam lirik lagu. Kandungan lirik lagu yang tersebut memiliki nasihat yang boleh digunakan untuk panduan hidup diri sendiri. Kepentingan ini sangat bersesuai kepada pelajar kerana pelajar sememangnya akan menjadikan pengetahuan baharu sebagai rujukan dalam kajian mereka.

1.6.2 Masyarakat

Hasil kajian seterusnya memberi implikasi penting kepada masyarakat. Merujuk kepada kajian ini, penyelidik boleh menggariskan kepentingan daptan kajian ini kepada masyarakat melalui pengajaran di dalam karya. Hal ini dikatakan demikian kerana lirik lagu yang dihasilkan adalah berkaitan keadaan masyarakat pada zaman kini yang mengejar dunia semata-mata. Dengan itu, ia akan memberikan kesedaran terhadap masyarakat jika mereka menjadi seperti yang ditulis berdasarkan lirik lagu itu. Masyarakat juga terdedah dengan keindahan yang terdapat di dalam lirik lagu rap. Walaupun, rentak lagu tersebut adalah rancak, namun intipati yang terdapat di dalam lagu tersebut adalah sangat indah maknanya dan memiliki banyak definisi mengikut kefahaman masing-masing.

1.6.3 Negara

Selanjutnya, kajian ini turut boleh dijadikan rujukan kepada pihak kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana penghasilan lagu tersebut menyumbang kepada kewangan negara. Dengan cara apabila lagu rap ini menjadi fenomena baharu, maka pemasaran terhadap lagu-lagu rap meningkat secara tidak langsung. Bukan itu sahaja, berlaku penambahbaikan hubungan di antara negara luar apabila gabungan penulis lirik lagu luar negara dengan penulis lirik lagu di dalam negara.

1.7 DEFINISI KONSEP

Di dalam kajian ini terdapat beberapa penggunaan istilah tertentu. Istilah- istilah ini perlu didefinisikan terlebih dahulu untuk memberikan gambaran yang lebih tepat, jelas dan spesifik dalam konteks kajian ini. Pengkaji akan menerangkan definisi bagi setiap perkataan yang menjadi kata kunci dalam kajian ini. Antara istilah yang akan diterangkan adalah lirik lagu, representasi, dan kepenggarangan. Bahan- bahan yang dijadikan rujukan adalah buku dan tesis telah melakukan kajian bagi istilah-istilah tersebut.

1.7.1 Lirik Lagu

Lirik bermaksud puisi pendek yang menyuarakan pemikiran dan perasaan seseorang penyair. Puisi ini mungkin diucapkan secara bersendirian atau kepada watak lain. Dalam kebanyakan puisi lirik, watak tersebut adalah rekaan dan berbeza dengan watak penyair (Kamus Kesasteran, 2015). Lirik ditakrifkan sebagai puisi pendek yang menyatakan fikiran dan perasaan peribadi pengarang (Cambridge Advanced Learner's Dictionary, 1995). Lirik mempunyai pelbagai fungsi dalam penciptaan puisi, cerpen, gurindam, seloka, dan lain-lain. Selain itu, apabila disebut perkataan “lirik”, makna yang sering terbayang di fikiran sudah tentu berkaitan dengan lagu tersebut seperti lirik yang membawa maksud emosi yang diungkapkan dalam bentuk lagu yang ditulis.

Lagu yang terbentuk daripada hubungan antara unsur muzik dengan unsur puisi atau lirik merupakan satu bentuk komunikasi massa (Nor'aini Tahir, Roszinkin Zakaria, dan Zainab Zakaria, 2007). Pada peringkat ini, lagu juga dianggap sebagai medium komunikasi kepada orang ramai melalui media massa. Pesanan boleh dihantar dalam pelbagai bentuk, termasuk lisan dan bertulis. Lirik mempunyai pelbagai bentuk

maklumat, yang wujud dalam bentuk perkataan bertulis, dan boleh digunakan untuk mewujudkan suasana dan imej khayalan tertentu kepada pendengar sehingga menghasilkan pelbagai maksud (Mohd Kassim Ismail, 2004). Dalam fungsinya sebagai medium komunikasi, lagu-lagu juga sering dijadikan saranan, mengajak pendengar menghayati realiti apa yang berlaku, dan cerita yang dibayangkan. Di samping itu, lagu boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, contohnya, dapat menyemai perasaan cinta antara satu sama lain, sebagai pembakar semangat, atau boleh digunakan untuk mencetuskan atau menyampaikan cadangan publisiti untuk mendapat pujian, menstabilkan emosi dan emosi. Manakala definisi penuh bagi lirik lagu pula adalah rangkaian kata nada yang dikatakan diperoleh daripada pelbagai ilham, yang diperoleh melalui pengalaman kehidupan sehari-hari. Menurut Aminudin (1995) lirik dapat menggambarkan dengan tepat perkara di luar diri manusia hasil ciptaan manusia. Menurut Semi (1988), lirik ialah satu bentuk puisi pendek yang mengekspresikan emosi. Lirik ialah medium pengarang mencerahkan fikiran, fikiran, perasaan dan mesej mereka kepada pendengar atau pencinta muzik. Selain hiburan, lirik juga boleh menjadi medium untuk memberi maklumat dan pendapat tentang isu sosial yang berlaku dalam sebuah masyarakat atau negara.

Lirik lagu ini boleh dikatakan sebagai karya sastera kerana liriknya termasuk dalam sastera genre puisi. Ini selaras dengan Jan Van Luxemburg (1989), yang mengatakan bahawa lirik lagu atau definisi puisi boleh dianggap sebagai puisi dan sebaliknya. Teks puisi ditakrifkan untuk memasukkan bukan sahaja genre sastera, tetapi juga ungkapan seperti peribahasa, mesej pengiklanan, slogan politik, lagu popular, puisi, dan doa. Pada asasnya, lirik lagu adalah puisi yang menambah nada, muzik, dan warna suara penyanyi. Lirik lagu dicipta untuk menyampaikan mesej. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, lirik lagu adalah sama dengan puisi. Puisi atau lirik disusun mengikut rentak, irama, bilangan perkataan, dan suku kata. Lirik kini percuma.

Sebenarnya, puisi atau lirik bukanlah baris dan kata yang terdiri daripada perkataan, tetapi sesuatu yang tersirat dalam perkataan, ayat, dan baris. Penulisan lagu sering menggunakan bahasa berstruktur atau kiasan, yang bermaksud ia menghasilkan bahasa dengan metafora. Bahasa kiasan atau figuratif ialah rangkaian penyimpangan perkataan, penyimpangan makna, dan penggunaan bahasa sehari-hari yang bertujuan untuk memperoleh makna kiasan atau simbolik (Abrams, 1981:63). Maka boleh dikatakan puisi atau lirik ialah keindahan bahasa kiasan antara baris.

1.7.2 Representasi

Representasi ini merujuk kepada proses menyampaikan realiti dalam komunikasi melalui bunyi, imej, atau gabungan daripadanya. Secara ringkasnya, representasi ialah penghasilan makna melalui bahasa (simbol dan lambang yang ditulis, dituturkan atau bergambar), seseorang yang boleh meluahkan fikiran, konsep dan idea Juliastuti, (2000). Representasi juga boleh bermaksud perbuatan mempersebahkan atau menandakan sesuatu yang disampaikan di luar dirinya, biasanya dalam bentuk tanda atau simbol (Pilang, 2003). Menurut Stuart Hall (1997), representasi ialah konsep makna yang dihasilkan dalam minda melalui bahasa. Ia adalah hubungan antara konsep dan bahasa yang menggambarkan objek sebenar, orang, dan juga peristiwa sebagai objek, orang, atau peristiwa fiksyen. Representasi boleh dikatakan sebagai sesuatu bahasa untuk yang digunakan atau disampaikan dengan penuh makna. Representasi menurut kamus kesusastraan adalah proses membina dan menyampaikan makna melalui bahasa. Bahasa tidak bersifat lut sinar dan neutral kerana bahasa membawa ideologi dan menyiratkan nilai budaya penulis. Oleh itu, bahasa diwarnai oleh faktor seperti kelas, ras, dan gender. Representasi berubah mengikut faktor bahasa ini juga mempengaruhi penulis. Pemikiran

tentang sifat bahasa ini juga mempengaruhi pengkritik sastera seperti Paul de Man, J.Hillis Miller yang mengemukakan tafsiran mereka. Proses ini juga merujuk kepada seni visual dan seni persembahan drama atau teater.

1.7.3 Kepengarangan

Kepengarangan merupakan salah perkara yang akan wujud di dalam sesebuah karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana kepengarangan berkait rapat dengan pengarang yang dikenali sebagai penulis. Kepengarangan adalah perkara yang bersangkut rapat dengan jiwa pengarang. Pengarang boleh ditafsirkan dengan diri penulis atau berdasarkan pengalaman yang dilihat sendiri oleh penulis. Di dalam sesebuah karya tercipta melalui luahan hasil imaginasi dan fantasi pengarang daripada dalaman jiwa manusia yang terdalam (Morton Kaplan dan Robert Klos, 1973). Oleh itu, apabila pengarang memiliki jiwa terhadap perkara yang berlaku maka pengarang akan meluahkan penjelasan daripada jiwa mereka dengan penggunaan bahasa di dalam bai-bait yang memberi pengajaran kepada orang ramai. Hal ini dapat dibuktikan bahawa melalui pengalaman hidup dicurahkan secara kreatif dalam karya hebat adalah bukti sifat seorang pengarang dalam hasil kepengarangan.

1.8 BATASAN KAJIAN

Berdasarkan kajian ini pengkaji telah membataskan bahan kajian kepada beberapa skop tertentu yang berkait dengan aspek kajian terhadap lirik-lirik lagu rap yang ditulis Kmy Kmo dan Luca Sikta. Pengkaji telah membataskan kepada lirik lagu *Zuhud, Nekad, Gong Nekara, Neraca, 7 Nasihat, Makuta, Playaz, No Way, Perjalanan, Hamba, Bersama Kita, Sifar, Dua Puluh, Jakun Dengan Mimpi, Wejangan Indra, dan Demi Mu Kekasih*. Di dalam kajian ini, pengkaji tidak akan menyentuh semua lirik lagu yang dihasilkan oleh pasangan duo ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji hanya memberi tumpuan kepada lirik lagu yang mengandungi ciri puisi berdasarkan aspek kepenggarangan yang terkandung secara terus dalam lirik lagu tersebut.

Di samping itu, kajian ini juga mengehadkan skop kajian kepada teori tekstualis, yang menggunakan prinsip kehadiran. Dalam prinsip kehadiran, fokus dengan menunjukkan pemilihan penulis dan pengekstrakan bahan daripada idea dan pengalaman. Karya yang kuat dan indah adalah karya yang datang dari pengalaman yang mengandungi makna yang kuat dan kuat. Kajian ini juga menggunakan reka bentuk kualitatif, yang bermaksud bahawa penyelidik akan menumpukan kepada teks kajian, mengumpul dan menganalisis data menggunakan prinsip kehadiran.

1.9 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, bab ini telah menjelaskan dan mentafsirkan beberapa aspek penting berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Kajian ini dilakukan adalah melibatkan kepengarangan penulis lirik lagu rap berdasarkan beberapa lirik lagu yang dihasilkan. Bukan itu sahaja, di dalam kajian ini juga akan mengetengahkan ciri puisi dan pengaruh puisi yang wujud dalam kandungan lirik lagu tersebut sama ada ia berkait rapat atau sebaliknya. Pengkaji juga turut mencari hubungan puisi dengan lirik lagu dengan cara pengaruh puisi yang terdapat dalam lirik lagu rap hasil nukilan Kmy Kmo dan Luca Sikta. Hal ini dikatakan demikian kerana lirik lagu akan menjadikan sesebuah karya yang mendorong manfaat kepada masyarakat. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana) dimana ia bersesuaian dengan kajian terhadap lirik lagu dengan prinsip kehadiran agar penganalisisan dapat dijalankan dengan lebih baik.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan mengenai kajian yang pernah dilakukan iaitu berdasarkan tajuk kajian pengkaji. Tinjauan kajian lepas ini dijadikan sebagai bahan sokongan dalam kajian ini. Dengan itu, pengkaji akan membuat rumusan berdasarkan kajian lepas agar ia boleh menjadi menjadi panduan kepada tajuk kajian pengkaji. Tinjauan kajian lepas ini adalah sebuah kritikan yang dilakukan pengkaji lain berdasarkan tajuk dan persoalan yang ditentukan oleh pengkaji. Di dalam sebuah kajian lepas terdapat perkara penting yang perlu diambil berat iaitu objektif, permasalahan, kaedah, dan teori yang digunakan bagi menganalisis data sesebuah kajian.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Representasi

Reynaud (1999) dalam kajiannya Conventions and Contradictions: The Representation of Women in Australian War Cinema, 1914-1918. Cara wanita diwakili dalam filem disebabkan oleh beberapa faktor yang saling berkaitan; sifat pawagam Australia, amalan filem senyap, pembinaan sosial jantina, penapisan dan tekanan propaganda, dan pengaruh perwakilan media lain semasa perang. Dalam filem perang ini, lelaki digambarkan berperanan melindungi lelaki, manakala wanita menjaga aspek fizikal, psikologi, emosi, rohani dan seksual lelaki. Wanita dalam filem perang terbahagi kepada tiga kategori: ibu askar, kekasih, dan jururawat yang merawat yang cedera. Wanita juga adalah ganjaran untuk lelaki. Namun terdapat juga sebuah filem pada tahun 1915 iaitu Sydney - Endem battle for Australia yang lari dari stereotaip wanita sebagai memegang karakter kecil dalam filem perang yang mana wanita menjadi penyelamat kepada hero. Walaupun karakter wanita tersebut masih berada dalam skop 46 wanita stereotaip iaitu menjaga (nurture) namun mampu menjadi penyelamat kepada hero daripada maut.

Hobson (2004) menerapkan metodologi Theo Van Leeuwen untuk mempelajari *Representasi Maskulinitas Dan Feminitas Dalam Manual Narrator, Brownies*. Penelitian ini bertujuan untuk melihat apakah laki-laki dan perempuan direpresentasikan secara berbeda dalam teks, dan temuan menunjukkan bahawa Baden-Powell merepresentasikan laki-laki dan perempuan secara berbeda dalam aksi sosial. Teks Brownie menggambarkan kinerja pahlawan dan pahlawan non-laki-laki dalam teks sebagai panduan. Tetapi tidak termasuk representasi pahlawan, bukan pahlawan wanita dalam teks slang.

Halliday dan Matissen (2004) Tinjauan perwakilan linguistik lelaki dan perempuan dan pembinaan jantina dalam komunikasi 3rd ed. Sebanyak 4 buah buku telah

disemak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wanita digambarkan sebagai seorang yang bijak, berjaya, positif, berdikari, pandai berkata-kata, dan berkeyakinan berbanding lelaki. Kajian ini mengetengahkan salah satu isu penting yang menyumbang kepada perbezaan peranan jantina dan ketidaksamaan jantina dalam media, termasuk buku teks. Sumber buku teks adalah alat penting untuk membangunkan kemahiran sosial dan digunakan untuk mengajar jenis pengetahuan tertentu kepada pelajar. Namun begitu, selain menyampaikan ilmu yang boleh digunakan sebagai alat pengaruh, pandangan dan identiti normatif tertentu turut dikenakan kepada ahli.

King (2008) mengkaji *Representasi Wanita Dalam Filem Kepolisian*. Representasi wanita dalam penyelidikannya dilihat dari perspektif status kerja, jenis kes, dan kemahiran penyiasatan. Hal ini dikatakan demikian kerana Wanita dalam filem aksi lebih ditampilkan mempunyai urusan heteroseksual dan melibatkan plot yang mempunyai elemen romantik seperti melibatkan kekasih mereka. Mereka juga banyak dikisahkan sebagai rookie dan terlibat dalam kes yang kecil yang melibatkan penyamaran dan pembunuhan bersiri.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Rina Wahyu Winarni (2010) yang bertajuk *Representasi Kecantikan Perempuan Dalam Iklan*. Dalam kajian ini beliau menekankan mengenai iklan sebagai kombinasi antara sebuah gambar dan teks. Tujuan kajian ini adalah untuk memberi pengetahuan baharu mengenai kecantikan perempuan boleh ditonjolkan dengan paparan wajah di dalam iklan. Representasi juga adalah penggunaan bahasa yang mewakili sesuatu perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep representasi ini digunakan bagi memberi gambaran antara teks dengan kehidupan realiti. Dalam kajian ini membuktikan bahawa representasi adalah penggunaan bahasa bagi memberi pengetahuan kepada orang lain. Berdasarkan kajian ini, representasi secara tulisan adalah usaha bagi memperlihatkan sesuatu secara nyata dan dibangunkan

dalam iklan yang kreatif.

Sahragad dan Davatgarzadeh (2010) mengaplikasikan model analisis oleh Van Leeuwen (2008) dan Halliday dan Matissen (2004) mengkaji *Representasi Linguistik Lelaki dan Perempuan dan Pembinaan Jantina dalam Komunikasi*. Sebanyak 4 buah buku telah disemak. Kajian menunjukkan wanita digambarkan sebagai cemerlang, berjaya, positif, berdikari, ekspresif dan yakin berbanding lelaki. Apa yang mereka tekankan dalam kajian ini ialah salah satu isu penting yang membawa kepada perbezaan peranan jantina bahawa ketidaksamaan jantina yang dicipta oleh media, termasuk buku teks. Sumber buku teks sebagai alat ini penting dalam identiti, mewujudkan identiti yang biasa dilakukan oleh ahli sosial menyampaikan jenis pengetahuan tertentu kepada pelajar. Walau bagaimanapun, dalam selain menyalurkan ilmu yang boleh dijadikan alat yang berpengaruh mengenakan pandangan dan identiti normatif tertentu kepada ahli.

Sunderland & McGlashan (2012) dalam kajian mereka mengaplikasikan pendekatan pelakon osial Van Leeuwen untuk *Representasi Ayah dan Ibu untuk Pasangan Gay Berdasarkan 25 Buku Sastera Kanak-Kanak*. Perbezakan menggunakan taksonomi dan pencalonan Van Levin. Di samping itu, mereka menggunakan pendekatan sosial visual rangkaian pelakon Theo Van Leeuwen. Pasangan gay merujuk kepada pasangan lelaki dan perempuan, iaitu bapa atau ibu. Hasil ini menunjukkan bahawa pasangan gay boleh dikenal pasti dengan gelaran dan nama kepada ibu bapa bersama. Bukan itu sahaja, ini menunjukkan jumlahnya lebih ramai lesbian tinggal bersama berbanding lelaki gaya yang tinggal bersama pasangan dan anak-anak mereka.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Danial Uzair bin Marzuki (2013) dengan tajuk kajian beliau adalah *Representasi Animasi Wayang Kulit Wayang Kulit Dalam Bentuk Digital : Filem Animasi The Guardian*. Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmanakah representasi wayang kulit dapat dipersembahkan dalam bentuk digital. Di

dalam kajian ini pengkaji telah menitikberatkan pada setiap pergerakan yang ada di dalam aksi wayang kulit tersebut. Di dalam setiap pergerakan tersebut mendapati bahawa wang kulit memiliki dua belas prinsip animasi moden yang boleh dikaji berdasarkan bentuk digital dua dimensi. Oleh itu, berdasarkan kajian ini mendapati bahawa representasi yang dimaksudkan di dalam kajian ini merujuk kepada aksi atau pergerakan yang terdapat di dalam persesembahan wayang kulit tersebut.

Sajjad Kabgani (2013) melihat *Representasi Wanita Islam Dalam Majalah Penjaga*. Rangka kerja analisis Wacana Kritikal (AWK) Van Leeuwen digunakan untuk menganalisis akhbar terkemuka British. Analisis terperinci, 11 elemen dipilih daripada rangka kerja Van Leeuwen berbanding penyelidik hanya enam elemen dipilih kerana pengkaji hanya tertumpu kepada peranan aktor sosial Bagaimana aktor sosial digambarkan. Fokus utama kajian adalah untuk melihat representasi wanita Islam dalam majalah bukan Islam. Wanita Islam, pelakon sosial lain dianalisis untuk penilaian tambahan boleh menyeluruh. Kajian itu ingin melihat bagaimana wanita Islam diterbitkan dalam jurnal, penemuan kajian mencadangkan bahawa wanita Islam digambarkan sebagai peranan sosial yang aktif dalam masyarakat Islam.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Hasanuddin bin Othman (2017) dengan tajuk kajiannya eliau adalah *Representasi Imej Peancongan Berasaskan Warisan Diraja di Bandar Kuala Kangsar, Perak Dari Perspektif Pengurusan Lestari Pelancongan*. Di dalam kajian ini mendapati bahawa representasi imej dalam sesebuah antropologi pelancongan dapat memberi makna dan simbolik imej sehingga dapat mengukuhkan bentuk di dalam sesebuah pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sesebuah kepimpinan mendapati bahawa representasi imej sangat penting agar kerelevan dalam menggambarkan negara agar menjadi tumpuan perhatian pelancong. Kajian ini telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif iaitu beliau akan menggunakan

kaedah temubual terhadap beberapa pegawai yang memiliki kepakaran dalam perancangan pembangunan pelancongan di bandar tersebut. Kajian ini memiliki hasil yang memberangsangkan sehingga dapat memperkuat institusi Kesultanan Perak dengan memberi penekanan terhadap imej yang unik iaitu institusi lain tidak memilikinya.

Oni Sutanto (2017) telah menjalankan sebuah kajian yang bertajuk *Representasi Feminisme dalam Film “Spy”*. Kajian ini dijalankan adalah untuk sejauhmana representasi ini dapat dilihat dalam feminism yang terdapat dalam filem tersebut. Di dalam kajian ini, metodologi yang digunakan adalah kajian secara kualitatif melalui kaedah deskriptif. Kajian ini menggunakan teori feminism. Berdasarkan kajian tersebut terdapat empat kategori feminism iaitu feminism dalam pengambilan keputusan, feminism dalam kepimpinan, feminism dalam penampilan perempuan. Berdasarkan filem “Spy”, menunjukkan bagaimana feminism menjelma melalui filem “Spy.” Feminisme yang terdapat dalam filem “Spy” ialah genre feminism gelombang pertama dengan menggambarkan figura wanita bijak dalam membuat keputusan. Selain itu, dalam filem ini, representasi feminism juga telah menggambarkan seorang wanita tegap yang bekerja di lapangan dan melaksanakan misinya dengan baik. Oleh itu, kajian ini dapat dibuktikan bahawa representasi adalah sebuah tindakan yang menghasilkan sesuatu melalui satu inipati lain luar dari dirinya, kebiasaanya berupa tanda atau simbol.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Tan Swee Ching (2018) yang bertajuk *Representasi Kasih Sayang dan Kesetiaan Dalam Filem Hachiko Monogatari*. Dalam kajian ini mendapati bahawa pengkaji ingin mengkaji sebuah filem tragis dan kisah benar mengenai seekor anjing yang amat setia kepada tuannya walaupun selepas kematian tuannya. Kajian ini dianalisis berdasarkan kasih sayang dan kesetiaan dalam sebuah filem Hachiko Monogatari versi bahasa Jepun dari perspektif semiotik. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini adalah reka bentuk kajian kualitatif yang

menggunakan pendekatan deskriptif. Kajian dibuat berdasarkan pengumpulan data daripada filem Hachiko Monogatari. Kajian ini dianalisis berpandukan tanda-tanda yang signifikan iaitu nilai kasih sayang dan kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen verbal dan bukan verbal yang terkandung di dalam filem tersebut. Di dalam kajian ini dapat disimpulkan bahawa di dalam filem Hachiko Monogatari mendapati bahawa representasi kasih sayang dan kesetiaan dapat dikenalpasti melalui Segitiga Makna Semiotik Peirce.

Jodie Yap Siew Wen (2018) telah menjalankan sebuah kajian yang bertajuk *Representasi Gender Dalam Filem Bertema Kepolisian*. Kajian ini dilakukan bertujuan bagi menyiasat representasi ciri-ciri kelakian dan kewanitaan serta stereotaip gender dari aspek verbal dan non verbal. Kajian ini juga membuat analisis mengenai sama ada gender direpresentasikan mengikut atau mencabar stereotaip gender. Pengkaji telah menggunakan kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah persampelan data dan kaedah pengumpulan data. Melalui metodologi yang digunakan terdapat beberapa dapatan kajian iaitu representasi maskulin dan feminism dalam filem yang bertema kepolisan yang melibatkan wanita dan lelaki berdasarkan transitiviti. Bukan itu sahaja, kajian ini telah memberi kesan kepada representasi gender terhadap kerjaya dan representasi gender terhadap filem aksi. Oleh itu, representasi yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah wanita memiliki keistimewaan yang tersendiri sehingga ia bole menjadi inspirasi dalam pembikinan sesebuah filem yang baik.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ganjar Wibowo (2019) yang bertajuk *Representasi Perempuan dalam Film Siti*. Kajian ini bertujuan bagi memberi gambaran representasi perempuan dalam filem Siti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Teori yang digunakan adalah teori makna. Teori ini terdapat tiga buah pendekatan iaitu pendekatan rujukan, pendekatan psikologi dan pendekatan sosial. Dapatan kajian ini

adalah seperti berikut iaitu pertama filem ini tidak terkeluar daripada perwatakan Siti iaitu seorang perempuan yang lemah, tabah, dan kuat. Kedua ialah latar tempat yang sama dengan kejadian sebenar. Manakala yang ketiga, persembahan sinematik yang minimalis dan ringkas menjadikan setiap mesej mendalam berdasarkan filem ini dapat disampaikan dengan baik. Berdasarkan kajian ini membuktikan bahawa filem Siti ini representasi seorang wanita berdasarkan perwatakan Siti. Representasi dapat berwujud kata, gambar, sekuen, cerita dan lain-lain yang mewakili ide, emosi, fakta dan lain sebagainya. Dalam kajian ini memperlihatkan bahawa representasi adalah satu bentuk usaha bagi membina kedua-dua makna dengan realiti.

Representasi Stilistik Filem Hang Tuah, 1956 (2021) merupakan tajuk kajian Fairuladilan bin Hamadun, Nasirin bin Abdillah, Norman bin Yusoff dan Nur Syahirah Anni binti Nor Adzli yang telah diterbitkan pada tahun 2021. Di dalam kajian ini mendapati bahawa wujudnya filem adaptasi Melayu yang tela mengangkat sesebuah karya kesusasteraan Melayu klasik. Artikel ini wujud dengan melihat aspek stilistika iaitu salah satu elemen penting dalam penerbitan filem, sinematografi, susunan dan penyuntingan. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek stilistika ini dapat dikenalpasti berdasarkan teori historical poetic David of Bordwell. Kajian ini adalah percubaan dalam sejarah mengenai aspek sejarah dapat mempengaruhi gaya sesebuah filem iaitu filem Hang Tuah. Artikel ini telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif. Kajian ini melibatkan analisis data iaitu melalui kaedah kepustakaan iaitu buku, akhbar, majalah, artikel, jurnal dan juga tesis. Dalam kajian ini juga telah menggunakan teknik penyuntingan dan gaya pementasan muzik agar niali estetika dapat dikenalpasti. Berdasarkan hasil kajian ini mendapati bahawa representasi stilistik Melayu adalah berdasarkan daripada aspek pemakaian seperti baju kurung, baju kebaya, dan keris yang terdapat di dalam filem tersebut.

Ari Suningsih dan Ana Istiana (2021) telah menjalankan sebuah kajian yang bertajuk *Analisis Kemampuan Representasi Matematis Siswa*. Dalam kajian ini mereka ingin mendapatkan maklumat mengenai rendahnya keputusan ujian harian pelajar yang disebabkan oleh kemahiran perwakilan matematik. Kaedah kajian penyelidik adalah kajian deskriptif iaitu menggunakan kajian berbentuk borang soal selidik agar mereka mendapat data yang lebih tepat. Di dalam kajian mereka, mereka telah melibatkan seramai 23 orang pelajar. Borang soal selidik tersebut dikongsi ke beberapa buah aplikasi iaitu WhatsApp dan perbualan yang dijalankan melalui telefon. Berdasarkan data yang terkumpul bahawa keupayaan representasi matematik pelajar dalam menyelesaikan masalah adalah seperti berikut iaitu pencapaian terbesar pelajar adalah dalam keupayaan representasi secara visual, kedua keupayaan pelajar untuk mewakili persamaan atau ungkapan matematik, dan pelajar sangat lemah dalam pencapaian pelajar atas kebolehan representasi secara lisan. Di dalam kajian ini menunjukkan bahawa representasi dapat menyokong atau meluaskan lagi inspirasi matematik temasuk simbol, persamaan, perkataan, gambar, jadual, graf dan sebagainya. Pelajar boleh membina penerangan matematik atau inspirasi hubungan terdapat anjakan representasi kepada representasi yang berbeza daripada hubungan yang sama. Hal ini dikatakan demikian kerana representasi boleh menjelaskan atau melambangkan sesuatu dalam beberapa kaedah.

2.3 Kajian Lepas Mengenai Lirik Lagu

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Arba'ie bin Sujud dengan tajuk kajiannya adalah *Estetika Dalam Lirik Lagu-Lagu Nyanyian P.Ramlee* (1999). Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti unsur yang dapat mewujudkan estetika yang saling bertautan dan jelas membentuk kesempurnaan dalam lirik lagu. Pengkaji telah menitikberatkan aspek bahasa adalah sebuah medium pengantara yang diambil penting oleh pengkaji. Pengkaji juga melakukan kajian ini disebabkan oleh variasi kata-kata yang wujud dalam lirik lagu nyanyian P. Ramlee. Pengkaji berharap agar suatu hari nanti agar koleksi lagu warisan yang P. Ramlee tinggalkan dapat memartabatkan beliau sebagai seniman dalam nyanyian.

Duraimuthu Subramaniam (2000) telah menjalankan kajian mengenai *Nilai-nilai Murni Dalam Lirik Lagu-lagu Kannadasan*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti nilai murni yang terdapat di dalam Sukatan Pendidikan Moral Kukikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang terdapat dalam lirik lagu Kannadasan. Bukan itu sahaja, kajian ini adalah untuk membina konsep bagi 14 nilai murni di dalam Sukatan Pendidikan Moral KSSR ini. Kajian ini juga telah melakukan analisis persamaan yang terdapat dalam kedua-dua bahan kajian seperti mana yang digambarkan di dalam lirik lagu Kannadasan. Metodologi kajian yang digunakan adalah rekabentuk kajian kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan Teori Insan Mulia dan Teori Perkembangan Kanak-Kanak. Justeru itu, kajian ini dapat memperkaya koleksi warisan Kannadasan agar menjadi seniman lagenda dalam bidang nyanyian.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Ahmad Fachruddien Imam (2012) yang bertajuk *Analisis Wacana Van Dijk Pada Lirik Lagu Irgaa Tani (My Heart Will Go On)*. Kajian ini dijalankan bagi untuk menerangkan struktur yang terkandung dalam lirik

lagu tersebut Irgaa tani agar orang ramai khususnya pencinta lagu dan pelajar bahasa Arab dapat mengetahui, memahami dan menghayati maksud yang terkandung dalam lirik lagu tersebut serta aspek linguistik di dalamnya. Hasil kajian ini menunjukkan lirik lagu Irgaa tani mengandungi struktur makro yang mengandungi unsur tematik menunjukkan bahawa tema lagu tersebut adalah mengenai kisah cinta antara komposer dan seseorang yang jauh. Lirik lagu ini mengandungi elemen skematik untuk menunjukkan tajuk atau protagonis dan cerita lirik lagu. Struktur mikro mengandungi unsur semantik, sintaksis, stilistik dan retorik. Unsur semantik lirik lagu menunjukkan konteks, butiran dan niat lirik lagu. Unsur sintaksis lirik mengandungi pola ayat, koherensi dan kata ganti nama. Unsur-unsur gaya menunjukkan kehadirannya berdasarkan kamus lirik lagu. Manakala unsur retorik lirik lagu pula menunjukkan kehadiran grafik dan metafora yang menyokong keindahan lagu tersebut.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Rahmat Hidayat (2014) yang bertajuk *Analisis Semiotika Makna Motivasi Pada Lirik Lagu “Laskar Pelangi” karya Nidji*. Kajian ini bertujuan menafsirkan dan mengetahui makna motivasi yang terkandung dalam lirik lagu “Laskar Pelangi” karya Nidji. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Semiotika Saussure. Teori ini digunakan bagi mengembangkan dasar-dasar teori linguistik umum. Analisis data yang digunakan ialah analisis menggunakan teori Saussure. Dalam teori Saussure, simbol ditafsirkan sebagaiim empunyai unsur yang saling berkaitan, iaitu penanda. Proses itu menghubungkan lirik dengan dunia luar sebenar. Hasil kajian ini diperoleh daripada lirik lagu “Laskar Pelangi” karya Nidji mempunyai makna yang saling berkaitan yang mengandungi mesej motivasi. Motivasi yang terkandung dalam lirik lagu “Laskar Pelangi” sangat kuat. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak motivasi yang dibina di atas merealisasikan impian. Dengan itu, dapat dibuktikan bahawa, lirik lagu dapat digunakan dalam penghasilan motivasi kepada pendengar.

Kajian yang telah dilakukan oleh Amirul Nur Wahid, dan Kundharu Saddhono (2017) yang bertajuk *Ajaran Moral Dalam Lirik Lagu Dolanan Anak*. Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan ajaran moral dalam ada di dalam lirik lagu dolanan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara deskriptif. Dapatan kajian ini adalah pertama hubungan manusia dengan Tuhan, kedua hubungan manusia dengan manusia, ketiga ubungan manusia dengan diri sendiri, keempat hubungan manusia dengan alam dan ajaran moral dengan cara langsung serta tidak langsung. Hal ini dapat dibuktikan bahawa lagu dolanan ini mampu memberi pembelajaran kepada pendengar.

Siti Noor Riha binti Sulong (2017) dalam kajian yang bertajuk *Wacana Kontekstual Dalam Lirik Lagu Pekaka Bercerita*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis tautan wacana kontekstual yang terdapat di dalam lirik lagu Pekaka Bercerita. Pengkaji telah menggunakan Teori Analisis Wacana Kritis Tiga Dimensi Fairclough (1992, 1995, 2003). Penggunaan teori ini adalah untuk mengenalpasti wacana yang terdapat di dalam sesebuah teks yang memiliki struktur. Metodologi yang digunakan pengkaji adalah rekabentuk kajian secara kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah deskriptif. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa penulis lirik lagu ini telah menggunakan aspek-aspek yang penting dalam wacana ini. Antara aspek penting tersebut adalah tekstual, praktis wacana, dan praktis sosial yang terdapat di dalam Lirik Lagu Pekaka Bercerita ini.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Axcell Nathaniel dan Amelia Wisda Sannie (2018). Kajian mereka bertajuk *Analisis Semiotika Makna Kesendirian Pada Lirik Lagu “Ruang Sendiri” Karya Tulus*. Kajian ini bertujuan mengenalpasti jenis kata iaitu denotatif dan konotatif dan mitos yang wujud dalam makna “kesendirian” yang terkandung dalam lirik lagu tersebut. Metodologi kajian ini adalah kajian kualitatif melalui teknik pengumpulan data berdasarkan dokumen yang diperolehi daripada pelbagai

sumber. Analisis semiotik lirik lagu “Ruang Diri” diperolehi tafsiran ‘makna’ kesunyian dalam perhubungan, terutamanya pada orang yang menjalin hubungan percintaan’. Makna kesunyian yang terkandung dalam lirik lagu itu mengajar kita agar dapat memberi ruang kepada pasangan kita, di mana ruang dalam sesebuah hubungan adalah perlu melakukan perkara yang baik.

Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar (2020) yang bertajuk *Interpretasi Resepsi Sastera Menerusi Lirik Lagu Tolong Ingatkan Aku*. Kajian ini adalah untuk mengkaji lirik lagu Tolong Ingatkan Aku yang telah dinyanyikan oleh Ana Raffali sehingga lagu tersebut telah diangkat kerana memiliki nilai komersial sehingga telah menjadi juara di dalam Anugerah Juara Lagu Ke-25. Pengkaji-pengkaji ini telah menggunakan rekabentuk kajian secara kualitatif. Kaedah yang dipilih di dalam kajian ini adalah kaedah secara kepustakaan iaitu penelitian yang melibatkan bahan seperti artikel, buku, majalah dan beberapa tesis yang berkaitan. Bagi menghasilkan sesebuah kajian ini penggunaan teori adalah sangat penting. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan teori resepsi untuk merungkai bait lirik lagu yang meliputi gaya bahasa, 27 teknik penulisan dan banyak lagi.

Moh. Muzakka (2020) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Profetik Dalam Dua Lirik Lagu Karya Rhoma Irama Kajian Terhadap Lirik Lagu “Akhlak” dan “Virus Corona”*. Di dalam kajian ini pengkaji menitikberatkan untuk mengkaji nilai-nilai profetik dalam kedua-dua lagu yang dipilih. Pengkaji telah memilih teori sosiologi berdasarkan pendekatan sosiologi sastera. Teori ini digunakan untuk mengkaji aspek-aspek sosial, karya sastera. Di dalam kajian ini mendapati bahawa dua buah lagu tersebut memiliki unsur humanisasi, unsur liberasi, dan unsur transendensi. Hal ini dapat disimpulkan bahawa dua lirik lagu yang dikaji, iaitu “Akhlak” dan “Virus Corona” mengandungi nilai-nilai kenabian yang sempurna. Kerana, kedua-dua lagu ini

mengandungi tiga elemen nilai kenabian yang bersatu, iaitu kemanusiaan, pembebasan, dan transendensi.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

2.4 Kajian Lepas Mengenai Analisis Kepengarangan

Ding Choo Ming (2009) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu*. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti kepengarangan peribahasa Melayu yang memiliki kreativiti dan kepelbagaian jenis. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa kepengarangan terhadap peribahasa Melayu adalah mengenai keindahan pemikiran dan imaginasi yang tinggi oleh orang Melayu. Kajian ini juga dapat mengetahui perbezaan antara kepengarangan peribahasa Melayu pada zaman dahulu dan kini. Dengan itu, berdasarkan kajian ini mendapati bahawa kepengarangan peribahasa Melayu adalah disebabkan oleh penulis karya yang berbangsa Melayu dan bahasa yang digunakan adalah bahasa ibunda atau dikenali sebagai bahasa Melayu dalam proses penciptaan karyanya.

Erfan Afandi (2012) telah membuat kajian yang bertajuk *Gaya Kepengarangan Dalam Novel “Sang Pemimpi” Karya Andrea Hirata*. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepengarangan seorang pengarang yang bernama Andrea Hirata. Di dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji beberapa aspek gaya. Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kualitatif. Melalui kajian ini pengkaji akan melakukan penekanan terhadap kajian stilistika melalui pengumpulan data berdasarkan dokumentasi. Hasil daripada kajian ini adalah terdapat penggunaan diksi telah digunakan untuk menemui penggunaan bahasa daerah sebagai kata panggilan untuk melengkapkan idea bagi untuk penyusunan kata. Manakala penggunaan ragam bahasa yang digunakan untuk mengutamakan ragam bahasa ilmiah. Akhir sekali, penggunaan gambaran watak dan perwatakan tokoh yang ditemui adalah untuk digunakan untuk menjelaskan jalan penceritaan. Berdasarkan kajian ini mendapati bahawa gaya kepengarangan Andrea Hirata dapat dilihat dengan penghasilan novel ialah idea pemikiran yang kreatif apabila beliau membuat penerapan harapan cita-

cita dalam dirinya kepada bentuk penulisan. Bukan itu sahaja, Andrea Hirata juga banyak memberi gambaran kehidupan realiti agar dapat memenuhi gaya seorang pengarang.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ghazali Din (2016) yang telah mengkaji kajian yang bertajuk *Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan model Prose Kreatif Teksnaluri*. Kajian ini telah menggunakan beberapa buah kumpulan puisi Muhammad Haji Salleh untuk mengenalpasti aspek kepengarangan yang ada pada beliau. Berdasarkan analisis yang dilakukan berdasarkan karya beliau adalah dengan menggunakan rekabentuk kajian kualitatif iaitu melalui kaedah kajian kepustakaan dan kerja lapangan. Kajian ini pembaca akan mendapati kepengarangan seorang penulis karya iaitu Muhammad Haji Salleh dalam mencipta sajak. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat tujuh elemen naluri. Hal ini dapat dibuktikan bahawa Muhammad Haji Salleh memiliki elemen naluri yang paling banyak yang telah mempengaruhi kepengarangan beliau dalam karyanya.

Nita Paneo (2016) dalam kajian yang bertajuk *Analisis Ginokritik Terhadap Kepengarangan Nh. Dini Dalam Karyanya “Namaku Hiroko”*. Beliau telah menjalankan kajian untuk menganalisis mengenai karangan yang dihasilkan oleh seorang perempuan yang mempunyai permasalahan dari segi aspek bahasa yang terdapat didalam novel tersebut. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah rekabentuk kajian kualitatif iaitu kaedah deskriptif analisis. Bukan itu sahaja, pengkaji menggunakan kaedah kajian kepustakaan iaitu menggunakan buku, internet, artikel, jurnal, surat khabar, dan tesis. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa pengarang ini telah membuktikan bahawa karya beliau dapat mengetauj bahawa perempuan memiliki kelebihan berbanding lelaki melalui bahasa perempuan yang memiliki keistimewaan tersendiri.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Hashim Awang & Hashim Ismail (2016) iaitu dalam kajian *Kepengarangan Melalui Minda Pengarang Melayu Dalam Melestarikan Hubungan Antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat Al-Salatin*. Kajian ini telah mengambarkan jati diri Melayu berdasarkan kepengarangan penulis Melayu berdasarkan kajian mereka. Pengkaji telah menggunakan pendekatan dalam menganalisis kepengarangan oleh Hashim Awang (1989) dan konsep Puitika Melayu oleh Muhammad Haji Salleh (1991). Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan tersebut sangat penting untuk mengetahui minda seorang pengarang Melayu dalam teks tradisional. Hasil kajian ini mendapati bahawa hubungan antar-budaya serumpun berfungsi sebagai melestarikan teks yang dikaji.

Kajian seterusnya adalah dilakukan oleh Lamsike Pateda (2016) yang melakukan kajian *Gaya Kepengarangan Tere Liye Dalam Novel Moga Bunda Disayang Allah Tinjauan Retorika-Stilistika*. Di dalam kajian ini mendapati bahawa aspek kepengarangan dapat dilihat melalui penggunaan gaya bahasa yang berlandaskan pemikiran penulis. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis gaya seorang kepengarangan dengan menggunakan pendekatan retorika-stilistika bagi melihat unsur keindahan yang terdapat dalam penggunaan bahasa. Metodologi kajian ini adalah dengan penggunaan rekabentuk kajian kualitatif iaitu secara dokumentasi dengan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa penggunaan gaya bahasa adalah sebuah kepentingan dalam kajian retorika. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa pengarang dalam kepengarangannya akan melibatkan penggunaan pelbagai jenis gaya bahasa yang menarik dan indah.

Vera Soraya Putri (2018) dalam kajian yang bertajuk *Gaya Kepengarangan Dei Lestari Dalam Supernova : Kesatria, Putri, Dan Bintang Jatuh*. Berdasarkan kajian yang dilakukan pengkaji mendapati bahawa kajian ini berfokus kepada aspek bahasa yang telah

digunakan oleh pengarang dalam penghasilan novel tersebut. Pengkaji telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah deskriptif dengan cara melakukan pengumpulan data secara dokumentasi. Hasil kajian ini mendapati bahawa pengarang telah menitikberatkan kepada penokohan yang bersifat humanistik telling-showing. Bukan itu sahaja, kepengarangan dapat dilihat berdasarkan aspek bahasa yang berfungsi sebagai bahasa leksikal dan figuratif yang mampu menjadikan sesebuah karya itu kelihatan estetika sehingga dapat memberi kesan dalam pembentukan sesebuah karya.

Rohanda & Lilis Ruslina (2018) telah menjalankan kajian *Aspek Komunikasi Ilmiah Yang Terkandung Dalam Jurnal Sosiohumaniora*. Kajian ini telah melakukan analisis terhadap ketokohan pengarang melalui latar belakang dan corak penulisan mereka. Pengkaji telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif. Hal ini dikatakan demikian kerana segala maklumat dicatat serat direkod agar memudahkan tujuan analisis. Kajian ini telah mengabungkan penelitian pengarang yang membawa perbezaan pemikiran dalam penulisan jurnal. Bukan itu sahaja, kajian ini juga telah menjelaskan bahawa penulis seorang yang memiliki kreativiti dalam menghasilkan sesebuah karya ataupun sebaliknya.

Lusi Andriani (2018) telah menjalankan kajian mengenai *Kepengarangan Azwar Sutan Melaka*. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauhmanakah kepengarangan Azwar Sutan Melaka dengan sosiologi pengarang oleh Renne Wellek dan Austin Warren. Pengkaji telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif iaitu secara deskritif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan wawancara. Hasil kajian ini mendapati bahawa Azwar Sutan Melaka gemar menghasilkan kiasan duka dalam karya beliau. Karya yang dihasilkan oleh beliau adalah berdasarkan pengalaman hidupnya. Bukan itu sahaja, hasil kajian ini adalah untuk mendapati bahawa karya yang dihasilkan Azwar akan menjadi

dorongan sebagai penulis hebat dan terkemuka dimana mampu menghasilkan pelbagai genre sastera.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Didik Prata Wijaya dan Abdurakhman Prasetyadi (2019) dalam kajian yang bertajuk *Analisis Distribusi Dan Pola Kepengarangan Artikel Pada Jurnal Riset Geologi Dan Pertambangan Tahun 2009-2018*. Kajian ini bertujuan bagi untuk mengetahui pengedaran artikel mengikut tahun, pengedaran artikel mengikut bilangan penerbitan, kerjasama (corak kepengarangan) dan tahap kerjasama, panjang artikel yang diterbitkan, pengedaran petikan, dan untuk mengetahui purata pengarang setiap artikel. Hasil kajian ini dapat memberi input kepada pusat untuk penyelidikan geoteknologi mengenai pengedaran dan corak kepengarangan artikel dalam jurnal penyelidikan geologi dan perlombongan. Hal ini dikatakan supaya ia boleh diambil perhatian dalam mewujudkan dasar untuk meningkatkan kualiti atau kualiti jurnal penyelidikan geologi dan perlombongan ini. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan atau literatur tambahan bagi mereka yang akan menjalankan kajian khususnya dalam objek kajian yang sama, tetapi dalam konteks yang berbeza. Metodologi dalam kajian ini adalah kajian berbentuk deskriptif.

Fauzi bin Hasan (2019) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Keunggulan Kepengarangan Faisal Tehrani Dari Pespektif Teksdealisme*. Kajian ini dilakukan untuk melakukan analisis dan menilai keunggulan pengarang Faisal Tehrani berdasarkan novel-novel terpilih. Kajian telah melibatkan tujuh buah novel. Pengkaji telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah kajian analisis teks dan kerja lapangan. Beliau telah menggunakan Teori Teksdealisme yang telah digagaskan oleh Mana Sikana pada tahun 2006. Pengkaji menggunakan empat prinsip yang terdapat di dalam teori tersebut iaitu keunggulan, kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Hal ini dapat dibuktikan bahawa keunggulan Faisal Tehrani dapat

dikenalpasti berdasarkan tiga tahap iaitu rendah, separa, dan tinggi. Di dalam kajian ini mendapati bahawa terdapat aspek yang mampu mengambarkan sifat seorang pengarang berdasarkan kreativiti dan sentiviti mereka. Keunggulan seseorang pengarang adalah bergantung penghasilan karya beliau.

Mohamad Rosmizi bin Mahamad (2021) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Keunggulan Kepengarangan Anwar Ridhwan Dalam Novel-Novel Terpilih*. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti serta melakukan analisis keunggulan seorang pengarang berdasarkan keunggulan yang dimiliki oleh beliau dalam karya Naratif Ogonshoto dan novel Penyeberang Sempadan. Pengkaji telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Pengkaji telah menggunakan teori Teksdealisme iaitu menggunakan keempat-empat prinsip yang ada. Oleh itu, berdasarkan kajian ini mendapati bahawa keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan mendapati beliau menghasilkan karya berdasarkan pengalaman sehingga mencetskan idea dengan pembaharuan agar personaliti pengarang dapat ditingkatkan. Dalam kajian ini dapat membantu pembaca mengetahui proses kepengarangan agar dapat menghasilkan karya yang unggul.

2.5 Kajian Lepas Mengenai Teori Teksdealisme

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Abdul Halim Ali (2011) yang bertajuk *Proses Kreativiti A.Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme*. Tujuan kajian ini untuk usaha bagi memberi pengetahuan mengenai proses kreativiti yang dimiliki oleh A.Samad Said yang berpandukan Teori Teksdealisme. Metodologi kajian ini adalah kajian kualitatif iaitu melalui kaedah kepustakaan dan temubual. Didapati proses kepengarangan A.Samad Said menepati empat peringkat dalam Teori Teksdealisme iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, dan individualistik. Proses ini banyak mempengaruhi amalan sebagai anak kepada keluarga yang menerima bahan peperangan, dan kemudian menjdai pendengar cerita lisan yang setia sehingga menjadi Sasterawan Negara.

Ruziwati bt. Abu Samah (2019) dalam kajian yang bertajuk *Gaya Keibubapaan Dalam Novel Komsas Sukar Membawa Tuah Dan Merenang Gelora Berdasarkan Analisis Teksdealisme*. Kajian ini bertujuan untuk meneliti gaya keibubapaan dalam novel komsas yang dijadikan sebagai saluran pendidikan yang berkesan sehingga mampu mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana novel “Sukar Membawa Tuah” dan “Merenang Gelora” telah dijadikan panduan untuk mengaplikasikan teori teksdealisme berdasarkan masalah remaja. Kajian ini menekankan prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, dan keunggulan. Hasil kajian ini mendapati bahawa gaya asuhan yang bersifat penolakan daripada ibu bapa menyebabkan remaja terasa diabaikan. Kepentingan kajian ini sangat jelas menunjukkan bahawa gaya keibubapaan ini memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah remaja cemerlang seperti yang dicita-citakan oleh negara.

Sara Beden (2019) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Prinsip Kehadiran Dalam Novel-Novel Jong Chian Lai: Analisis Tekdealisme*. Kajian ini direka untuk

menganalisis prinsip berdasarkan teori sastera yang telah wujud dalam beberapa buah novel karya Zhong Jong Jianlai. Teori teksdealisme ini terdapat empat prinsip yang boleh digunakan untuk mengukur tahap kualiti kepengarangan bagi seorang pengarang. Kajian ini menganalisis berdasarkan beberapa novel terpilih dengan menggunakan prinsip kehadiran sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kepustakaan. Berdasarkan hasil daripada kajian ini mendapati bahawa Jong Lai Chian Zhongqian Lai sentiasa berinovasi dalam ketiga-tiga novel apabila penulis berusaha untuk mempersempahkan sumber baharu dan kepelbagaiaan idea berdasarkan pengalaman.

Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Wahid (2019) Dalam kajian bertajuk *Pengurusan Identiti Kaum dalam Trilogi Hamka: Satu Pengenalan*. Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan penggunaan prinsip pengurusan untuk mengenal pasti prinsip dalam pengurusan identiti nasional, berdasarkan kajian pengurusan identiti nasional dalam trilogi Hamka. Kajian ini memfokuskan kepada pengurusan identiti Melayu dan melihat kepada kecukupan teori Textdealism dalam menganalisis pengurusan identiti Melayu dan trilogi novel Hamka. Empat prinsip teori textualisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip peneguhan dan individualisme diterapkan dalam novel untuk melihat proses pembentukan identiti nasional. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu, menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah analisis teks. Penggunaan teori teksdealisme ini akan memperlihat kepada proses keunggulan seorang pengarang agar ia mampu mengambarkan pembinaan identiti bangsa yang unggul.

2.6 KESIMPULAN

Di dalam bab ini akan menerangkan mengenai kajian lepas yang dilakukan pengkaji mengenai tajuk yang bersesuai dengan pengkaji baharu. Hasil daripada sumber kajian lepas ini akan menjadikan panduan dan maklumat tambahan yang sangat membantu pengkaji untuk menghasilkan dan membina idea pemikiran yang baharu untuk mempermudahkan lagi kajian ini dijalankan. Berdasarkan kajian ini mendapati bahawa representasi adalah representasi bagi mengambarkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Representasi adalah tindakan menghasilkan sesuatu melalui fikiran seseorang selain diri sendiri, biasanya dalam bentuk tanda atau tanda. Representasi adalah percubaan untuk menggunakan realiti untuk membina dua makna ini. Representasi boleh menerangkan atau melambangkan sesuatu dalam pelbagai cara.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik dalam membentuk, mengumpul dan menganalisis data bagi menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Hasil kajian yang diperolehi juga sangat bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam sebuah kajian. Metodologi merupakan langkah yang sistematik dengan menggabungkan pendekatan kajian dan analisis data yang selari dengan peraturan yang ditetapkan sendiri untuk memastikan kelancaran terhadap penyelidikan sekaligus prestasi kajian dapat dicapai secara berkesan dan sempurna. Definisi bagi metodologi juga pernah diulas oleh Bakker (1984) iaitu metodologi adalah cara-cara yang mengatur prosedur penelitian ilmiah pada umumnya, sekaligus pelaksananya terhadap masing-masing bidang keilmuan secara khusus. Bagi meneruskan bab ini, metodologi kajian yang akan digunakan oleh pengkaji adalah reka bentuk kajian, kaedah kajian dan penerapan teori bagi memudahkan urusan dalam melakukan analisis.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Dalam melakukan analisis ini mendapati bahawa reka bentuk adalah salah satu komponen yang perlu ada di dalam metodologi kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana reka bentuk kajian ini ditentukan oleh tujuan kajian tersebut dilaksanakan. Menurut Kerlinger (1970) reka bentuk kajian ialah sebuah tatacara pemprosesan data berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan di antara pembolehubah yang terlibat dalam penyelidikan sesebuah kajian.

3.2.1 Reka bentuk Kajian Kualitatif

Menurut Bogdan dan Taylor (2004) pernah menyatakan bahawa kaedah kualitatif dapat didefinsikan bahawa kaedah kualitatif adalah sebuah prosedur dalam penelitian yang menghasilkan data deskriptif dalam bentuk kata-kata lisan atau tulisan sama ada daripada orang berperilaku dan perilaku yang diperoleh dari keadaan sekelilingnya. Oleh itu, menerusi kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah memilih reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif dipilih dengan tujuan melakukan analisis kandungan teks yang terdapat dalam lirik lagu yang telah dipilih untuk melihat kepengarangan penulis lirik lagu rap iaitu Kmy Kmo dan Luca Sikta dalam lagu *Zuhud, Nekad, Gong Nekara, Neraca, 7 Nasihat, Makuta, Playaz, No Way, Perjalan, Hamba, Bersama Kita, Sifar, Dua Puluh, Jakun Dengan Mimpi, Wejangan Indra, dan Demi Mu Kekasih*. Di dalam kajian kualitatif ini terdapat beberapa kaedah kajian yang telah digunakan. Antara kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah analisis teks, kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan, dan kaedah internet. Pengkaji juga telah menggunakan Teori Teksdealisme melalui pendekatan kehadiran dan pendekatan pelanggaran.

3.2.1.1 Kaedah Analisis Teks

Melalui kaedah analisis teks ini, pengkaji telah melakukan analisis terhadap lirik lagu yang ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta iaitu lagu Zuhud, Neraca, Nekad, dan Gong Nekara. Analisis teks ini berguna untuk mengenalpasti tema pemikiran penulis lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta, menganalisis ciri puisi di dalam lirik-lirik lagu rap tersebut, dan menghuraikan pengaruh puisi yang terdapat di dalam bait-bait lirik lagu tersebut. Pengkaji memilih lirik lagu yang ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta adalah disebabkan oleh kandungan atau bait-bait lirik yang indah mengenai zaman kini serta kepengarangan yang dimiliki oleh penulis lirik tersebut sangat unik dan menarik. Di dalam bait-bait lirik lagu tersebut mengandungi pesanan kepada masyarakat serta gambaran keadaan dunia pada masa kini. Melalui kajian ini mendapati bahawa pengkaji mempunyai andaian tersendiri terhadap penulisan lirik yang ditulis tersebut adalah berdasarkan keadaan yang dilihat oleh mata kasar Kmy Kmo dan Luca Sikta itu sendiri.

3.2.1.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah yang seterusnya merupakan kaedah pengumpulan data. Menurut Izham Shafie (2008), data ialah maklumat digital yang diperlukan untuk membuat keputusan yang tepat dalam sesuatu situasi. Dalam kajian ini mengumpul maklumat penting dalam proses membuat keputusan. Kaedah ini memerlukan pencarian maklumat yang berkaitan topik kajian. Bagi kaedah ini, data boleh diperolehi daripada sumber bahan-bahan kepustakaan iaitu buku, jurnal, tesis dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian misalnya dari segi Teori Teksdealisme yang dikaji dan juga dari segi aspek kepengarangan yang dimiliki oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta.

3.2.1.3 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan di dalam kajian ini. Kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah yang memerlukan pencarian data dan maklumat secara kepustakaan terhadap bahan-bahan perpustakaan yang berkaitan dengan kajian. Bahan kajian kepustakaan yang digunakan adalah berbentuk buku, jurnal dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji telah melakukan rujukan dalam beberapa penulisan yang berkisar dengan kajian yang hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana rujukan daripada kepustakaan sangat penting untuk dilakukan panduan agar penulisan kajian tidak terpesong daripada landasan yang sebenar. Kaedah kepustakaan ini digunakan adala untuk memberi serta menambahkan pengetahuan pengkaji berkaitan tajuk kajian dengan lebih mendalam. Menurut Kasihani Kasbalah dan Bintarto (1992), kajian kepustakaan ini mampu mendapatkan maklumat tentang mana-mana aspek masalah yang telah dikaji untuk mengelakkan penyelidik melakukan kesilapan yang sama berulang kali yang mungkin dilakukan oleh penyelidik bebas.

3.2.1.4 Kaedah Internet

Pengkaji turut menggunakan kaedah internet bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Terdapat beberapa laman sesawang yang telah pengkaji kunjungi bagi mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antaranya laman sesawang yang dikunjungi adalah laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, laman web Universiti Malaysia Kelantan, laman web Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan laman web ‘Google Scholar’. Oleh itu, laman web yang telah digunakan oleh pengkaji

untuk menncari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian pengkaji.

3.2.1.5 Kaedah Soal Selidik

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah soal selidik yang melibatkan 50 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Kaedah ini sanga popular digunakan dalam kalangan penyelidik. Hal ini dikatakan demikian kerana soal selidik merangkumi bidnag yang sangat luas dan sangat mudah dirangka. Melalui soal selidik maklumat berkaitan responden ia boleh dirahsiakan. Ini membolehkan responden menjawab soalan tentang Selesa dan riang. Soal selidik adalah dalam bentuk soalan tertutup. Soalan sebegini mudah dianalisis dan responden bersedia menjawabnya kerana dia hanya perlu memilih satu daripada beberapa jawapan yang diberikan (Syed Arabi, 1998). Semasa tinjauan, penulis akan menerangkan secara ringkas tujuan tinjauan dan mengisyiharkan bahawa semua maklumat peribadi akan dirahsiakan.

3.3 PENERAPAN TEORI

Berdasarkan kajian ini penggunaan teori adalah sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana teori akan dapat memberi kesan terhadap analisis pengkaji. Definisi teori menurut Mike Bal (1985), adalah satu set kenyataan umum yang sistematik mengenai segmen realiti tertentu. Bukan itu sahaja, menurut Abdul Halim Ali (2011), teori ini bergerak pada platform yang dipercayai oleh setiap pengarang untuk memiliki dinamik yang mampu memacu kepengarangan seseorang penulis dengan cara mencuba memperbaiki diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Oleh itu, pengkaji telah memilih Teori Teksdealisme melalui pendekatan kehadiran dan pendekatan pelanggaran bagi menganalisis data pada bab ini, teori ini akan diterangkan secara lebih terperinci.

3.3.1 Teori Teksdealisme

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Teksdealisme bagi membantu melancarkan proses analisis ini dilakukan. Teori Teksdealisme ini dikenali sebagai Teori Keunggulan oleh Mana Sikana (1996). Menurut Mana Sikana pada tahun 2004, keunggulan dalam sebuah kerja kepengarangan merupakan suatu tahap pencapaian puncak dalam penciptaan. Teori ini diperkenalkan oleh Mana Sikana atau nama penuh beliau ialah Abdul Rahman Napiah. Teori Teksdealime bermaksud teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya. Keunggulan yang dimaksudkan di sini adalah teks tersebut memiliki sifat-sifat keunggulan. Perkataan tekdealisme ini merupakan gabungan dua kosa kata iaitu ‘teks’ dan ‘idealisme’.

3.3.2 Prinsip Kehadiran

Manu Sikana membuat pecahan daripada Teori Teksdealisme ini kepada beberapa prinsip. Namun pengkaji telah memilih prinsip kehadiran iaitu prinsip pertama di dalam Teori Teksdealisme ini. Prinsip kehadiran ini memperlihat bahawa cara pengarang telah membuat pemilihan dan meningkatkan berdasarkan idea dan pengalaman. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi menghasilkan sebuah karya yang kuat dan indah pengarang perlu mempunyai pengalaman dan kandungan karya yang penuh makna.

3.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah menghuraikan mengenai aspek kajian yang lebih mendalam iaitu melalui rekabentuk, kaeda, teori dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini. Di dalam bahagian metodologi ini pengkaji akan memiliki banyak maklumat berdasarkan cara pengkaji mengumpul maklumat. Jelaslah bahawa kajian ini akan memudahkan urusan proses penganalisan kajian pengkaji berdasarkan prinsip yang telah dipilih oleh pengkaji agar hubungkait analisis berdasarkan kepengarangan dapat dikaji.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini, aspek ini membincangkan mengenai dapatan kajian iaitu hasil daripada kajian yang telah dilakukan berdasarkan lirik-lirik lagu yang telah ditulis oleh penyanyi dan penulis lirik yang terkenal di Malaysia iaitu Kmy Kmo dan Luca Sikta iaitu lirik lagu *Zuhud, Nekad, Gong Nekara, Neraca, 7 Nasihat, Makuta, Playaz, No Way, Perjalanan, Hamba, Bersama Kita, Sifar, Dua Puluh, Jakun Dengan Mimpi, Wejangan Indra, dan Demi Mu Kekasih*. Di dalam bahagian akan menjelaskan lebih mengenai konsep puisi dalam lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta. Bukan itu sahaja, bahagian ini juga berlaku penganalisaan dengan penggunaan Teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, dan prinsip pelanggaran. Secara keseluruhannya bab ini membincangkan mengenai tema pemikiran penulis lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta berdasarkan ciri puisi yang terdapat dalam lagu-lagu mereka.

Jadual 1 : Senarai Lirik Lagu

BIL.	KOD	NAMA LAGU	TAHUN
1.	JDM	JAKUN DENGAN MIMPI	2017
2.	GNR	GONG NEKARA	2018
3.	NWY	NO WAY	2019
4.	DMK	DEMI MU KEKASIH	2019
5.	NKD	NEKAD	2019
6.	WJI	WEJANGAN INDRA	2019
7.	SFR	SIFAR	2019
8.	ZHD	ZUHUD	2019
9.	PYZ	PLAYAZ	2020
10.	7NSHT	7 NASIHAT	2020
11.	MKT	MAKUTA	2020
12.	BSK	BERSAMA KITA	2021
13.	DPH	DUA PULUH	2021
14.	NRC	NERACA	2021
15.	PJL	PERJALANAN	2021
16.	HMB	HAMBA	2021

Berdasarkan jadual di atas ini, berikut adalah senarai lirik lagu yang pernah ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta. Mereka merupakan rakan duo rap yang sangat dikenali oleh golongan muda dan golongan yang meminati lagu-lagu rap ini. Kandungan lirik lagu mereka memiliki makna yang sangat mendalam. Oleh itu pengkaji mendapati bahawa mereka ini gemar menghasilkan lirik lagu rap yang memberi kesan yang mendalam sekaligus memberi pengajaran kepada pendengar. Walaubagaimanapun tidak semua lirik lagu ditulis oleh mereka sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat gabungan daripada artis lain dalam penghasilan lirik-lirik lagu tersebut.

4.2 TEMA LIRIK LAGU RAP MELALUI PEMIKIRAN KMY KMO DAN LUCA SIKTA

4.2.1 Kemasyarakatan

Tema ini mementingkan perkara yang berlaku dalam kalangan masyarakat menerusi kajian lirik lagu rap karya Kmy Kmo dan Luca Sikta. Definisi bagi kemasyarakatan ialah keadaan masyarakat atau perkara yang berkaitan dengan masyarakat. Lirik lagu yang dihasilkan oleh mereka sememangnya menggambarkan keadaan masyarakat pada masa kini yang memiliki kepelbagaiannya sama ada daripada segi perspektif positif ataupun negatif.

“...Baik dan baik cekal bagus,
Iku penunjuk arah
Polang kaling bertungkus
Lurus mengikut arah
Bengkak bengkil dihati
Surut dimakan hari
Lumrah langlang buana rempuh tembok langkah kiri...”

(Zuhud,2019 : Rangkap 2)

Berdasarkan lirik lagu diatas mendapati bahawa masayarakat pada kini hendaklah hidup berpandukan arah yang ditetapkan berdasarkan agama masing-masing. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap agama memiliki cara untuk kearah kebaikan yang berbeza-beza. Sebagai contoh agama Islam, dalam Islam mewajibkan semua mengikut perintah Allah dan meninggalkan laranganNYA seperti menunaikan solat fardhu lima waktu sehari, menjauhi zina dan sebagainya. Agama lain juga memiliki pantang larang ataupun perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh penganut agama masing-masing demi menjaga kesucian agama mereka.

“...Jadi dan baik cekal bagus,
Terus Zuhud ke bawah,
Elak dibakar hangus, atau dihumban ke kawah,
Jadi baik kekal rakus,
Terus menanam ubi,
Ramai mengejar fulus lupa sebar saham budi...”

(Zuhud,2019 : Rangkap 3)

Berdasarkan lirik lagu Zuhud di atas, ini membuktikan bahawa masyarakat pada masa kini mementingkan pencarian harta dunia sahaja sehingga lupa jasa baik orang lain. Masyarakat kini hanya mementingkan pencarian harta dunia sahaja. Masyarakat pada masa kini juga dapat dikenalpasti bahawa mereka tidak mengenang jasa orang yang pernah membantu ketika dalam kesusahan. Hal ini dikatakan demikian kerana masayakat hanya memerlukan bantuan sekiranya terlibat dengan masalah terutama masalah daripada segi kewangan. Namun begitu mereka kebanyakannya tidak mengambil peduli budi yang telah disumbangkan antara masyarakat ketika dalam kesulitan. Bukan itu sahaja, rangkap ini mengingatkan para pendengar bahawa setiap perbuatan membawa akibatnya. Yang dapat menyelamatkan kita daripada balasan yang buruk adalah perbuatan baik kita di dunia. Kita seharusnya sentiasa berbuat baik di dunia kerana kebaikannya berpanjangan hingga hari kelak

“...Eh,
Bukan hanya cukup lima,
Bukan sekadar cukup enam,
Mahu rasakan delima di Syurga
Iman jangan benam,
Kerap lima enam kali,
Sehari kita diganggu,
Teguh jati diri dari dibelenggu rindu bercandu...”

(Zuhud,2019 : Rangkap 6)

Berdasarkan lirik lagu *Zuhud* juga mendapati bahawa masyarakat pada masa tersebut hendaklah memiliki sikap ketaatan terhadap perintah Allah. Sebagai umat Islam perlulah taat kepada suruhan dan meninggalkan laranganNya. Oleh itu, penulis lirik telah mengambil inisiatif dengan menggambarkan sesebuah masyarakat mengenai bukti ketaatan sebagai umat Islam dalam lirik lagu *Zuhud* tersebut. Antara gambarannya adalah sebagai umat Islam hendaklah memahami serta mempratikkan isi kandungan yang terdapat di dalam rukun Islam dan rukun iman. Setiap lirik lagu memiliki nilai estetika yang tersendiri. Arba'ie bin Sujud (1999) pernah menjelaskan mengenai estetika yang terdapat dalam *Lirik Lagu Nyanyian P.Ramlee* mendapati bahawa wujudnya unsur estetika memberi kesempurnaan dalam sesebuah lirik lagu. Maka, setiap lirik lagu yang ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta ini memiliki unsur estetika.

Dalam lirik lagu tersebut juga mengambarkan bahawa sebagai umat Islam sentiasa mengingati lima perkara agar tidak terpesong akidahnya kelak. Penulis lirik lagu ini sangat menitikberatkan mengenai solat agar diri ini tidak bergantung rindu pada manusia semata-mata. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia kini lebih merindukan seseorang berbanding rindu akan penciptaNya sendiri. Dengan itu, penulis lirik menekankan bahawa Allah adalah makhluk yang sepatutnya dirindukan selamanya kerana kehadiranNya tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Maka jelaslah bahawa lirik lagu *Zuhud* ini memiliki gambaran masyarakat pada masa kini.

Ayy, beralun dan bergemanya
Terbukanya di singgah sana
Yang pejam akan tercelik
Kelam, terpekkik, pelik, tercekik
Bersantun dan sehaya

Terlukanya si cahaya
Sang rejam sakan menarik
Jeram tertarik mata pun sakit,
Jangan lena bangun dari mimpi
Terapi minda jiwa hakiki

Berapa pena pegun dengan mimpi
Berapi indra tagih kata sakti
Kiri kanan mu tertulis sudah
Usah diramal yang bukan mudah
Gubah gayamu jika ngerti hati

Diri-Nya rakanku berhenti mati
Mula dari tangan, terus naik ke siku
Basah tempat angan
Biar mengalir di situ
Sentuh pendengaran

Peka mendengar yang Satu
Lupa jangan pada dua Langkah mu
Daya yang merempuh liku

(Neraca,2021 : Rangkap 1-5)

Berdasarkan lirik lagu diatas, penulis lirik telah mengambarkan tentang gejala sosial yang kian menular dalam kalangan masyarakat sekarang. Hal ini dikatakan demikian kerana pada zaman datuk nenek moyang dahulu, terdapat banyak pantang larang. Sekarang sebab zaman sudah berubah dengan kemajuan teknologi dan sosial media. Dengan itu, masayarakat kini terlalu terbuka dalam memberikan komen dan buat sesuatu tanpa memikirkan soal adab. Lagu ini merangkumi keseluruhan dan seimbangkan mengenai kehidupan yang berlaku sekarang. Apatah lagi dalam zaman media sosial, gejala sosial semakin menjadi-jadi.

Menurut Duraimuthu Subramaniam (2000), setiap penulis akan menghasilkan lirik lagu yang mengandungi nilai-nilai murni. Hal ini dikatakan demikian kerana niali murni tersebut boleh dijadikan panduan atau pengajaran kepada pendengar. Dengan itu, pengajaran dapat digunakan oleh semua lapisan masyarakat.

Lagu ini diselitkan dengan gambaran manusia yang sangat terikat dan terleka dengan hal dunia sahaja. Lirik lagu ini merupakan kisah perjalanan manusia dalam menempuh peredaran masa sebagai manusia biasa. Di dalam lirik ini menggambarkan bahawa terdapat manusia yang leka dengan maksiat, leka dengan teknologi dan media sosial dan tidak lupa juga leka dengan material atau dikenali sebagai wang ringgit. Manusia kini terikat dengan kehendak dan nafsu diri sendiri tanpa memikirkan sisa waktu yang semakin singkat. Walaubagaimanapun, lirik lagu ini memiliki nasihat namun nasihat tersebut diabaikan oleh manusia kini. Maka jelas dapat disimpulkan bahawa lagu Neraca ini memiliki keadaan masyarakat kini yang sangat leka dengan dunia tanpa mengendahkan akhirat.

“...Tapak-tapak makan hari tunggu masa
putus tali
Biar luar kaki ayam dalam berbekalkan taji
Lepas purnama mengambang naik merah
itu pasti
Mahu ikut nafsu sama atau sambung tidur
Lagi...”

“...Taji nak dituju
Perlukan aturan
Tak nak salah hala pekaka yang
dihunuskan
Tidur ku bertapa berlayar satu dekad
Bila cukup lapar semua jalan jadi nekad...”

(Nekad, 2019 : Rangkap 1-2)

Berdasarkan lirik lagu diatas mengambarkan seseorang yang tamak akan jawatan yang dimiliki. Mereka hanya mengikut nafsu semata-mata. Masyarakat kini hanya menggunakan wajah sebagai tarikan kepada orang lain. Hakikatnya mereka tidak mempunyai sebarang kelebihan yang memberi manfaat kepada masyarakat lain. Bukan itu sahaja, masayarakat kini sangat nekad dalam mendapat sesuatu terutamanya jawatan dalam sesebuah komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat kini dahagakan jawatan atau kedudukan yang tinggi di kalangan kelompok mereka itu sendiri. Golongan seperti ini gagal mengawal emosi mereka yang boleh dikatakan pantang dicabar. Masyarakat ini juga sanggup saling menikam belakang kawan atau sahabat demi kekuasaan di dunia. Oleh itu, lirik lagu nekad menjelaskan bahawa masyarakat kini sangat sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan diri sendiri.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.2.2 Moral

Dalam penciptaan sebuah lirik lagu sudah pasti penulis lirik memiliki jalan cerita yang tersendiri. Mereka akan menyelitkan unsur yang boleh dijadikan contoh iaitu kandungan moral yang banyak. Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa (2016), moral bermaksud prinsip akhlak atau kelakuan yang baik atau mulia. Menurut Chaplin (2006) moral bermaksud mengacu pada khak yang sesuai dengan peraturan sosial, atau menyakut hukum atau kebiasaan yang mengatur tingkah laku. Wantah (2005) juga memberi makna bagi moral adalah sesuatu yang berkaitan atau ada hubungannya dengan kemampuan menentukan benar atau salah dan baik atau buruk sesuatu tingkah laku. Dengan itu, moral didefinisikan sebagai sebuah ajaran tentang hal yang baik dan buruk melibatkan tingkah laku dan perbuatan manusia. Lirik lagu ini memiliki kandungan moral yang boleh menjadi pengajaran untuk masyarakat. Berdasarkan lirik lagu yang dihasilkan oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta ini sudah pasti mengandungi beribu makna yang tersirat. Kmy Kmo dan Luca Sikta ini sangat mengambil berat soal nasihat yang terdapat di dalam lirik lagu mereka. Sebagai contoh dalam lirik lagu 7 Nasihat, nyanyian Dato' Siti Nurhaliza ft Kmy Kmo dan Luca Sikta itu sendiri.

Di dalam lirik lagu ini terdapat 7 nasihat yang diketengahkan oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta. Antara nasihat yang terdapat didalam lirik lagu 7 Nasihat adalah sentiasa merendahkan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam setiap kejayaan perlulah menjauhkan diri daripada perasaan sompong dan bangga diri. Jika terdapat masalah kelak perbanyakkan bertanya agar tidak jalan kelak. Selain itu, kita hendaklah mengutamakan kehormatan antara satu sama lain walaupun usianya lebih muda daripada diri sendiri. Bukan itu sahaja, sebagai manusia hendaklah menjaga percakapan dan tulisan agar menjauhkan diri daripada menimbulkan kontroversi secara menerus terutamannya di

alam maya. Dalam berbicara juga perlu dijaga agar tidak memberi kesan negatif atau persengketaan dikalangan masyarakat antara satu sama lain. Lirik lagu 7 Nasihat ini juga menekankan bahawa sebagai manusia jangan pernah lupa akan diri sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka yang gagal mengawal diri akan mudah hanyut kearah yang lebih teruk. Bagi menjadi manusia yang positif hendaklah membersihkan hati seperti jangan mudah terkesan dengan kata-kata orang sekeliling. Perkara yang paling penting adalah dengan dapat melihat diri sendiri terlebih dahulu dan berusaha menjadikan diri itu lebih baik. Seterusnya, nasihat lain yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut adalah berbudi bahasa antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila orang lain berbuat baik maka balaslah jasa mereka dengan budi. Nasihat-nasihat ini disampaikan dari turun kemurun perlu diingat dan dilakukan agar tidak sesat jalan.

“...Anak pipit jangan tak dihirau
Gusar esok ke sarang si rimau
Anak didik harusnya dirisau
Gusar esok engkau yang dipisau...”

(7 Nasihat,2020 : Rangkap 1)

Berdasarkan petikan lirik lagu ini mengisahkan mengenai didikan ibu bapa terhadap anak-anak merupakan salah satu perkara yang penting dan perlu diambil berat. Hal ini dikatakan demikian kerana anak merupakan anugerah daripada Allah untuk dijaga dengan sehabis baik. Ibu bapa janganlah membiarkan anak-anak menjerumuskan diri mereka ke jalan yang memudaratkan. Kebimbangan ini boleh mengurangkan kesan negatif kepada ibu bapa itu sendiri kelak. Penulis lirik melihat keadaan sekeliling kini apabila anak-anak yang gagal mendapat perhatian akan mudah terjerumus ke dalam kanca kehidupan yang negatif.

“...Tak endah yang sekarang
Cakap jangan sebarang
Elok awal dilarang
Untuk kau jadi orang...”

(7 Nasihat,2020 : Rangkap 5)

Lirik di atas menerangkan mengenai melentur buluh biar dari rebungnya. Maksudnya adalah mendidik anak hendaklah sejak kecil agar mudah dibentuk apabila sudah besar. Sebagai ibu bapa perlulah menegur anak-anak di awal fasa. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila mereka dewasa mereka kelak akan menjadi seorang insan yang sentiasa menjaga tingkah lakunya. Oleh itu, penulis lirik telah memberi gambaran tugas yang sepatutnya dijalankan oleh ibu bapa sejak awal lagi. Tanggungjawab seperti mendidik dan menjaga seorang anak merupakan tanggungjawab yang sangat berat dan besar.

“...Saat serunai menjerit suatu hari nanti,
Segala yang di langit dan segala yang di bumi,
Yang hidup, yang mati,
Yang menyamun, yang bijak,
Semuanya akan dibangunkan di padang untuk berarak...”

(Zuhud,2019 : Rangkap 1)

Berdasarkan lirik lagu diatas, penulis lirik ini mengingatkan para pendengar bahawa setiap yang hidup pasti akan mati. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak kira martabat dan tempat, semua yang bernyawa akan ada penghujungnya. Rangkap ini juga mengingatkan para pendengar betapa kerdilnya manusia di alam dunia kerana terdapat yang lebih berkuasa. Bukan itu sahaja ia juga mengingatkan bahawa mati akan tetap melanda diri sendiri. Maka dengan itu, jelaslah bahawa masyarakat kini telah dibekalkan dengan pelbagai nasihat yang boleh dijadikan panduan dan rujukan dalam masa hadapan nanti. Lirik lagu Zuhud ini telah banyak memberi manfaat kepada masyarakat.

“...Jadi baik cekal bagus terus
Jadi baik cekal bagus terus
Jadi baik zuhud ke bawah tanam ubi
Jadi baik berbudi dan itu bukan judi
Jadi...”

(Zuhud,2019 : Rangkap 15)

Bermaksud frasa ini adalah berbudi baik bukanlah sesuatu yang sia-sia kerana ia sememangnya membawa satu faedah yang dapat menguntungkan kita. Frasa ini meninggalkan kesan pada diri saya kerana terkandungnya kebenaran di dalamnya dan membuat saya sedar bahawa berbudi baik mengandungi kebaikan yang sudah pasti dan tidak usah untuk berfikir untuk berbudi baik.

Maka dengan itu jelaslah bahawa lagu Zuhud ini memiliki pesan yang sangat dalam. Lagu tersebut mengingatkan pendengarnya untuk tidak menyombongkan diri dengan apa yang mereka miliki di dunia, karena semuanya hanya sementara dan tidak akan bertahan selamanya. Lagu tersebut mengingatkan pendengar akan tujuan hidup yang sebenarnya, yaitu mencapai kebahagiaan di masa depan. Zuhud artinya tidak dikuasai oleh kemewahan dan kesenangan dunia. "Banyak Orang Mengejar Uang dan Lupa Berbagi Kebaikan" membawa penonton pada sikap orang-orang yang sering mengejar kekayaan dunia namun melupakan tujuan dunianya. Kemewahan adalah sesuatu yang dikehjara manusia karena dapat membawa kenyamanan bagi dunia. Namun, manusia juga cenderung lupa dan melalaikan tanggung jawabnya untuk mendapatkan status tinggi di masa depan.

Keistimewaan lagu ini adalah dari segi iramanya. Gabungan rentak hip hop dan elemen muzik tradisional Melayu membuat lagu ini lain daripada lagu-lagu yang sering didengar. Dengan gabungan rentak moden dan irama tradisional Melayu, lagu ini dapat menarik minat pendengar muda dan juga yang tua. Lagu ini juga membuktikan bahawa muzik tradisional Melayu boleh diberi nafas yang baru.

4.2.3 Ketuhanan

Tema ketuhanan ini sentiasa menjadi pilihan utama penulis lirik Kmy Kmo dan Luca Sikta dalam penghasilan lirik lagunya. Tema ini sangat sinonim dengan kehidupan seharian manusia di samping dapat memberi ketenangan kepada yang mendengar lagu rap tersebut. Kmy Kmo dan Luca Sikta memilih tema ketuhanan berkaitan dengan kewujudan hubungan sesuatu pegangan akidah atau agama. Konsep sebenar bagi ketuhanan ini adalah apabila terdapat beberapa piak mendakwa kebenaran mengenai persefahaman dan penentuan sifat ketuhanan masih dikatakan bukan zat dan manusia sentiasa dilanda kepincangan dan kekeliruan. Oleh itu, inisiatif ini telah menyebabkan Kmy Kmo menghasilkan lirik lagu yang berunsurkan ketuhanan.

“...Aku ini manusia biasa
Tak lepas dari ujian dunia
Hidup ini tak selamanya
Usah alpa, jangan lupa bertawakallah
pada-Nya...”

“...Aku ini manusia biasa
Hanya selalu leka kejar dunia
Hidup ini tak selamanya
Usah leka, jangan lupa bersujudlah pada-Nya...”

(Hamba, 2021 : Rangkap 1-2)

Lirik di atas menerangkan mengenai sebagai manusia yang wujud di muka bumi ini tidak pernah terlepas daripada pelbagai bentuk ujian dunia. Antara contoh bentuk ujian dunia adalah ujian dari segi kewangan, perhubungan, persahabatan dan banyak lagi. Ujian-ujian ini diberikan oleh Allah adalah untuk melatih diri agar sentiasa mengingatiNya dan sentiasa bergantung harap kepadaNya. Sebagai manusia yang hidup pasti akan mati, oleh itu di dalam lirik lagu rap ini menegaskan bahawa sebagai manusia jangan pernah alpa dengan dunia semata-mata. Malah sentiasalah bertawakallah kepada

Allah.

Dalam lirik Hamba ini juga memberi gambaran bahawa manusia kini sangat leka mengejar harta dunia walaupun usia tidak panjang. Oleh itu, penulis lirik mengingatkan sekali lagi bahawa jangan terlalu leka dan jangan pernah lupa untuk sentiasa bersujud kepada pencipta. Maka dengan itu jelaslah bahawa di dalam lirik lagu ini terdapat unsur-unsur berkaitan ketuhanan yang penulis lirik ini terapkan dalam lirik lagunya.

“...Perjalanan di atas jalan menuju kejayaan
Pasti lalui ujian gelap mencari
pencahayaan
Dalam satu lembaran, bayangan dua
gambaran
Tayangan kejayaan atau semuanya
Pengajaran...”

“...Kesulitan yang membuktikan
Ganjarannya yang pasti kau impikan
Saat tika diberikan, saat puji-pujian
berserikan
Indahnya sudah pasti kan menyusur esok
Luruskan setiap arah, jangan sekali
bengkok, kekok, elok...”

(Hamba, 2021 : Rangkap 6-7)

Berdasarkan lirik lagu ini mendapati bahawa setiap kali ingin menuju sebuah kejayaan sudah pasti memiliki pelbagai dugaan dan cabaran. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sebuah penghijrahan daripada masa silam merupakan suatu perkara yang amat sukar. Bagi golongan yang ingin melakukan perubahan sudah pasti akan dibayangi dengan dua gambaran yang berbeza. Gambaran ini boleh melibatkan beberapa situasi iaitu situasi yang baik dan situasi yang buruk. Sebagai contoh, gambaran kejayaan setelah berhijrah ataupun pengajaran yang dimiliki setelah melakukan penghijrahan. Walaubagaimanapuun, setiap kesusahan sudah pasti memiliki jalan penyelesaian. Hal ini

dikatakan demikian kerana Allah telah menjanji tiada ujian yang membebani hambaNya melainkan sesuai dengan kemampuannya. Berdasarkan lirik lagu ini setiap manusia yang dapat menempuh dugaan yang diberikan oleh Allah akan diberikan ganjaran yang diimpikan oleh semua umat. Namun begitu, setiap hamba perlulah mengikuti segala perintah yang Allah suruh dan jangan sesekali ingkar dengan suruhan dan laranganNya.

“...Dari mana lahir dari mana hadir
Dari mana asal semuanya ditinggal
Dari yang di zahir hingga tak dipamer
Dari langkah awal hingga paling afdal...”

“...Dari lubuk hati hingga lubuk akal
Dari langkah abdi menuju jalan amal
Ramalan amalan jangan diramalkan
Amalkan amalan mengenal asalkan...”

(Demi Mu Kekasih, 2019 : Rangkap 1-2)

Berdasarkan lirik lagu diatas mendapatkan bahawa penulis lirik ingin memberitahu mengenai jangan manusia terlalu mencari dunia kalau tujuan bukan untuk Allah, kekasih Allah, dan agama. Manusia jangan menjadi musafir kalau tiada tujuan untuk berbakti pada bumi dan manusia. Janganlah hidup di dunia ini kalau hanya untuk harta sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana kamu tidak akan berjalan di jalan yang lurus. Oleh itu penulis lirik memberitahu bahawa kekasih abadi semua manusia sentiasa ada disamping. Setiap yang ada di dalam diri seorang manusia itu adalah dibawah jagaanNya. Maka jelaslah bahawa setiap lirik yang ditulis ini memiliki unsur ketuhanan yang menyedarkan setiap manusia pada zaman kini.

“...Demi mu kekasih terawal terakhir
Aku musafir membawa musafir
Tenangkan jiwa jauh dari khuatir
Kudrat belikat diganti pepasir...”

“...Bekalan bersama nanti disana
Inderaloka firdausi miliknya
Hasil berkais saat di dunia
Hasil ku kalis dunia paranoya...”

“...Yang sukar itu pasti ganjaran cinta hakiki
Saat diuji bertubi tandanya kasih sejati
Syukur masih ada engkau yang sudi terus
perhati
Gerak geri dari masa lampau hingga kini
aku menghampiri...”

(Demi Mu Kekasih, 2019: Rangkap 3-5)

Berdasarkan lirik lagu diatas, demi mu kekasih terawal terakhir tersebut merujuk kepada Nabi Muhammad S.A.W. Manusia di dunia ini dianggap musafir yang hidup dalam padang pasir yang panas dan diuji dengan pelbagai cabaran. Di dalam lirik ini juga menunjukkan bahawa Nabi Muhammad merupakan seorang yang sangat tenang dan memiliki kudrat dalam menjalankan tanggungjawab demi umanya. Oleh itu, sebagai pengikutnya hendaklah membawa bekalan yang secukupnya di padang masyar agar memperoleh ganjaran syurga Firdaus kelak. Bagi memiliki ganjaran cinta daripada pemilik alam ini hendaklah melalui pelbagai jalan yang sukar. Manusia yang sering diuji merupakan golongan yang sentiasa disayangi oleh kekasih abadi. Setiap pergerakan yang manusia lakukan di dunia ini diperhatikan oleh Allah S.W.T. sama ada gerak geri dari masa lampau hingga kini.

4.3 KONSEP PUISI LIRIK LAGU RAP KMY KMO DAN LUCA SIKTA

4.3.1 Gaya Bahasa

Definisi bagi gaya bahasa adalah cara atau jenis bahasa yang digunakan terutamanya dalam penulisan atau karangan (Keris Mas, 1990). Terdapat pelbagai jenis penggunaan atau penggunaan bahasa tertentu. Gaya bahasa juga merujuk kepada gaya penggunaan bahasa pengarang yang merupakan pembawa paling sempurna untuk manusia menyampaikan maklumat. Malah, penguasaan bahasa amat penting kepada manusia (Abdul Razak Mohd Kasim, 1998). Gaya bahasa juga merupakan bahasa indah yang menambahkan kedalaman hati pembaca dengan memperkenalkan dan membandingkan sesuatu perkara atau perkara tertentu dengan perkara lain yang lebih umum. Secara ringkasnya, penggunaan gaya bahasa tertentu boleh berubah dan menghasilkan konotasi tertentu (Dale, 1971 dalam Henry Gunter Tarigan, 1985).

Gaya bahasa ini terbahagi kepada beberapa jenis. Antaranya adalah metafora, sinkope, ironi, hiperbola dan banyak lagi. Setiap gaya bahasa tersebut memiliki ciri-ciri yang berbeza-beza. Oleh itu, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat kandungan gaya bahasa di dalam lirik lagu yang telah ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta ini. Berikut adalah gaya bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu rap duo Kmy Kmo dan Luca Sikta ini.

Gaya bahasa metafora ini bermaksud bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan merujuk kepada sesuatu yang lain. Satu objek atau abstraksi diberikan sifat-sifat objek lain dengan mengandaikan bahawa objek kedua mempunyai aspek yang serupa dengan objek pertama (Rahman Shaari, 1993). T. Howkes (1972: 1) mengatakan metafora berasal daripada perkataan Yunani “metaphore”, yang bermaksud memindahkan. Dengan

kata lain, metafora terdiri daripada dua perkara, pemikiran dan imej. Kedua-duanya menghasilkan bentuk metafora dan perbandingan, manakala makna muncul daripada interaksi antara idea dan imej.

Manakala gaya bahasa sinkope pula menurut Fadzri Aris et al. (2013), sinkope merupakan singkatan sesuatu perkataan. Sinkope dikenali sebagai pemendekan sesuatu kata dengan mengugurkan satu atau lebih huruf atau suka kata dari tengah-tengah kata itu.

Keraf (2008) mengatakan bahawa gaya bahasa ironi atau sindiran adalah suatu acuan yang ingin mengatakan sesuatu dengan makna atau maksud berlainan dari apa yang terkandung dalam rangkaian kata-katanya. Ironi merupakan suatu upaya literer yang efektif karena ia menyampaikan impresi yang mengandung pengekangan yang besar. Entah dengan sengaja atau tidak, rangkaian kata-kata yang dipergunakan itu mengingkari maksud yang sebenarnya.

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Fadzri Aris et al. (2013), hiperbola merupakan sejenis bahasa kiasan yang digunakan untuk menyatakan sesuatu secara berlebih-lebihan daripada maksud sebenarnya. Menurut Faridah Nazir (2013), hiperbola berasal daripada bahasa Yunani iaitu gabungan dua perkataan iaitu hyper bermaksud melampaui dan ballien bermaksud meluahkan atau memancarkan. Hiperbola juga merujuk kepada kiasan atau perbandingan yang digunakan untuk menyatakan sesuatu secara berlebih-lebihan, melampaui, atau berlebih-lebihan daripada maksud sebenarnya. (Abdul Aziz, 2012). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hiperbola merujuk kepada ungkapan atau perbandingan yang melebih-lebihkan makna sebenar dan bukannya membesar-besarkan makna sebenar. Oleh itu berikut adalah senarai lirik lagu yang mengandungi gaya bahasa yang berbeza-beza yang boleh dibuktikan dengan penggunaan teori teksdealisme melalui prinsip kehadiran.

Jadual 2 : Senarai Gaya Bahasa Berdasarkan Lirik Lagu

	METAFORA	SINKOF	HIPERBOLA
JAKUN DENGAN MIMPI		✓	
GONG NEKARA		✓	
NO WAY		✓	
DEMI MU KEKASIH	✓		
NEKAD	✓	✓	✓
WEJANGAN INDRA		✓	
SIFAR		✓	
ZUHUD	✓	✓	✓
PLAYAZ		✓	
7 NASIHAT		✓	
MAKUTA			✓
BERSAMA KITA		✓	
DUA PULUH		✓	
NERACA	✓	✓	
PERJALANAN		✓	
HAMBA		✓	

Berdasarkan jadual tersebut pengkaji mendapati bahawa terdapat enam buah lirik lagu yang memiliki gaya bahasa metafora. Antara lirik lagu tersebut adalah *Demi Mu Kekasih, Nekad, Zuhud, Makuta, dan Neraca*. Gaya bahasa sinkope kerap digunakan dalam lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta. Sebagai contoh dalam lirik lagu *Gong Nekara, No Way, Nekad, Wejangan Indra, Sifar, Zuhud, Bersama Kita, Dua Puluh, Neraca, Perjalanan, dan Hamba*. Majoriti lirik lagu rap yang ditulis oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta menggunakan singkatan atau dikenali sebagai sinkope ini. Manakala gaya bahasa seterusnya adalah gaya bahasa hiperbola. Gaya bahasa hiperbola ini wujud dalam lirik lagu *Jakun Dengan Mimpi, Nekad, Zuhud, dan Makuta*.

4.3.1.1 Gaya bahasa metafora

Berdasarkan lirik lagu *Demi Mu Kekasih, Nekad, Zuhud, dan Neraca* terdapat beberapa perkataan yang memiliki gaya bahasa metafora. Antara gaya bahasa metafora yang terdapat lirik lagu tersebut adalah seperti berikut.

“...Dari yang paling mahmudah
Hinggakan yang paling mazmumah
Ku sekatakan serata
Mekar bak bunga bunga mawaddah
Untuk dibawa pulang
Serap raikan **cinta kekasih**
Hingga semua menyebar
Rindu mereka
Jadi kekal masih...”

(*Demi Mu Kekasih*, 2019: Rangkap 14)

“...Saat serunai menjerit suatu hari nanti,
Segala yang di langit dan segala yang di
bumi,
Yang hidup, yang mati,
Yang menyamun, yang bijak,
Semuanya akan dibangunkan di **padang**
untuk berarak...”

“...Jadi dan baik cekal bagus,
Terus Zuhud ke bawah,
Elak dibakar hangus, atau dihumban ke
kawah,
Jadi baik kekal rakus,
Terus menanam ubi,
Ramai mengejar **fulus** lupa sebar saham
budi...”

(Zuhud, 2019: Rangkap 1 dan 3)

“...Sedekad dah belayar
Berbakul trapi dah dihadap
Bagaikan kudrat sepuluh gajah meresap
masuk tuk mengadap
Adaptasi sejengkal sarap
Permudahkan kau ke perangkap
Emosi si nafsu nafsi lahap
Adap asal yang dah ke arab
Aku rabiah daripada enam
Bawa rabiah dalam bunga tujuh
Aku tarbiah siapa berani pejam
Dengan tarbiah ramai kena suluh mamai
miang buluh
Perindunya ramai dilibas bak badai
Buluh tumpat sadai
Yang tersadai abai dek memandai
Kaki intai perangainya murai
Sidai muka
Asal pandai dulu muda wangsa
Sukar intai **talam ribu rupa...**”

(Nekad, 2019: Rangkap 3)

Sinar mentari yang menerangi
Bumi yang digelapkan sang purnama
Seruan itu kekal berbunyi
Kekal bergema seluruh **cakrawala...**

Maka mata hati kau sedar udara makin
tercemar, ah
Menitis la hiba di jiwa dan mula rasa
kecewa
Bangkitlah susun atur bermula dengan
wajib lima
Impak nya pasti maksima hingga nurani
terkesima

(Neraca, 2021: Rangkap 8 dan 16)

Berdasarkan lirik lagu *Demi Mu Kekasih* terdapat gaya bahasa metafora iaitu **cinta kekasih**. Perkataan tersebut memberi makna iaitu cinta akan pencipta. Hal ini dikatakan demikian kerana keseluruhan lirik ini adalah mengenai pengorbanan manusia untuk pencipta-Nya. Sebagai umat kepada pencipta, hendaklah melakukan perkara yang disuruh dan meninggalkan laranganNya.

Manakala berdasarkan lirik lagu *Nekad* pula juga mempunyai gaya bahasa metafora iaitu **miang buluh**. **Miang buluh** didefinisikan sebagai bulu yang terdapat pada buluh. **Miang buluh** ini boleh menyebabkan gatal pada tempat seperti tapak tangan. Selain itu, di dalam lirik lagu gaya bahasa metafora iaitu **talam ribu muka**. Definisi bagi **talam dua muka** bermaksud melakukan kebaikan kepada orang lain demi kepentingan diri sendiri. Maksud lain bagi **talam dua muka** ini adalah seseorang yang pura-pura berbuat baik di hadapan dua orang yang berbeza sedangkan di belakang mengumpat atau maki hamun. Perbuatan tersebut merupakan perbuatan yang tidak sepatutnya dijadikan contoh kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan tersebut merupakan perbuatan yang tidak jujur dan mampu merosakkan hubungan antara manusia.

Seterusnya, gaya bahasa yang dapat dikesan di dalam lirik lagu Zuhud adalah gaya bahasa metafora,. Bagi gaya bahasa metafora ini dapat dilihat berdasarkan perkataan **serunai menjerit** yang terdapat di dalam rangkap pertama lirik lagu tersebut. **Serunai menjerit** ini bermaksud tiupan sangkakala yang akan berlaku ketika menghampiri hari kiamat. Selain itu, perkataan bagi **padang untuk berarak** dapat dilihat berdasarkan rangkap pertama juga pula berkaitan dengan padang masyar yang menghimpunkan manusia sebelum dihisab. Rangkap ketiga lirik lagu juga mempunyai gaya bahasa metafora iaitu **kawah**. **Kawah** ini bermaksud neraka tempat yang Allah S.W.T. cipta untuk manusia yang ingkar perintah-Nya. Rangkap empat belas juga memiliki gaya bahasa metafora iaitu **fulus**. Perkataan bagi **fulus** ini bermaksud duit atau wang. Fulus merupakan perkataan daripada Indonesia yang didefinisikan wang tembaga.

Bagi lirik lagu *Neraca* pula gaya bahasa metafora yang terdapat dalam lirik lagu tersebut adalah **cakrawala**. Definisi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) **cakrawala** adalah langit atau lengkung lagit. **Cakrawala** ini merujuk kepada benda yang berwujud. Makna lain bagi perkataan **cakrawala** adalah ufuk. Ufuk bermakud kaki langit atau garisan yang kelihaan seperti memisahkan bumi dari langit. Selain itu, di dalam lirik lagu ini juga terdapat perkataan yang mengandungi makna kiasan iaitu **wajib lima**. Perkataan ini membawa definisi iaitu solat. Hal ini dikatakan demikian kerana tanggungjawab manusia di dunia adalah wajib menunaikan solat lima waktu. Jika manusia meninggalkan salah satu waktu solat tersebut, maka jatu hukum berdosa.

4.3.1.2 Gaya bahasa sinkof

Berdasarkan lirik lagu *Jakun Dengan Mimpi*, *Gong Nekara*, *No Way*, *Nekad*, *Wejangan Indra*, *Sifar*, *Zuhud*, *Playaz*, *7 Nasihat*, *Bersama Kita*, *Dua Puluh*, *Neraca*, *Perjalanan*, dan *Hamba* memiliki beberapa gaya bahasa sinkope. Antara gaya bahasa sinkope yang terdapat pada lirik-lirik lagu tersebut adalah seperti berikut.

Mula dari mana?
Mula dari bawah..
Nahu **nak** kemana?
Nak ke atas sana..
Jika jatuh jangan undur,
Bangun cuba lagi,
Usah hirau kata orang
Jakun dengan mimpi

(*Jakun Dengan Mimpi*, 2017: Rangkap 2)

Bukan Alpha atau Mambang yang **ku**
gentar
Hanya Satu (Allahuakbar Allahuakbar)

(*Gong Nekara*, 2018: Rangkap 17)

Jadi jangan berangan kepoh wa tak mahu
Angkat tangan nanti hantu naik sawan lu
tak sempat **nak**
Berangan makin ramai kena makan yakin
banyak tanda tangan
Makin ramai sorok tangan baling batu Baik
jangan

(*No Way*, 2019: Rangkap 14)

Taji **nak** dituju
Perlukan aturan
Tak nak salah hala pekaka yang
dihunuskan
Tidur ku bertapa berlayar satu dekad
Bila cukup lapar semua jalan jadi nekad

(Nekad, 2019, Rangkap 2)

Usah gentar, jalan **mu** di iring awan,
Tawan susah jadi senang gementar
jangan,

(Wejangan Indra, 2019: Rangkap 3)

Andainya aku tahu
Betapa diriku hilang tiadamu

(Sifar, 2019: Rangkap 1)

Mungkin kah kerna **ku** budak hutan,
Emosi senang berang dan patuh,
Telunjuk Lakhus pun diturutkan,
Yang diturunkan engkau lupuskan,
Sahabat kudus tak dikhkusukan,
Kau pupuskan,
Kau putuskan,
Yang ditumpukan bukan keperluan,
Kekal tumpuan buang kemahuan,
Tujuan hidup bagaikan ramuan,
Dituang iman jadikan acuan dalam
perjalanan bersama panduan.

(Zuhud, 2019: Rangkap 5)

Batu gunting kertas
Bertanding siapa lagi keras
Kau macam gambar belum kena edit
Sebab piksel tidak jelas

(Playaz, 2020: Rangkap 4)

Tak endah yang sekarang
Cakap jangan sebarang
Elok awal dilarang
Untuk **kau** jadi orang

(7 Nasihat, 2020: Rangkap 5)

ada yang tidur makannya **tak** cukup
ada berhibur dalam hiruk pikuk
ada berada ada yang tersandar
ada juga buta ada yang berebut

(Bersama Kita, 2021: Rangkap 9)

dah banyak hal, yang lu bedal packing
pastu jual,

(Dua Puluh, 2021: Rangkap 3)

Peka mendengar yang Satu
Lupa jangan pada dua langkah **mu**
Daya yang merempuh liku

(Neraca, 2021: Rangkap 6)

Aku akan pergi dengan alasan sendiri
Aku lari dari cerita kita bagai mimpi
Kita **tak** berseri hanya kerna aku
Hati **kau** mengadu sakit dirodok bertalu
Tak sanggup **ku** tinggal kenangan bagi
imbuhan
Tak sanggup juga **ku** dengar rintihan
perasaan
Ku menahan tali sejak dari mula
Kini **ku** mengerti kita **tak** sehala

(Perjalanan, 2021: Rangkap 1)

Aku ini manusia biasa
Tak lepas dari ujian dunia
Hidup ini **tak** selamanya
Usah alpa, jangan lupa bertawakallah
pada-Nya

(Hamba, 2021: Rangkap 1)

Berdasarkan lirik-lirik lagu diatas mendapati bahawa penggunaan gaya bahasa sinkof. Pengkaji mendapati bahawa penulis lirik ini telah mengaplikasi kependekan atau pengguran suku kata daripada perkataan asal. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis lirik ingin memudahkan sebutan ketika lirik lagu itu dinyanyikan oleh penyanyi nanti. Bukan itu sahaja, penggunaan gaya bahasa sinkof ini menjadikan lirik lagu kelihatan lebih cantik dan bersesuaian dengan keadaan.

4.3.1.3 Gaya bahasa hiperbola

Berdasarkan lirik lagu, *Nekad*, *Zuhud*, dan *Makuta* memiliki beberapa gaya bahasa hiperbola. Antara gaya bahasa hiperbola yang terdapat pada lirik-lirik lagu tersebut adalah seperti berikut

Tujuh petala bumi dan langit

Dari gunung ke lautan dalam
Pesuruh turun membawa salam
Kalam berkisah segala silam
Uh dari lautan ke lembah curam
Kembara bekalnya setia sumpah
Seri iring kemenyan dan setanggi
Membara darah walau titis tumpah
Dendam di pendam nafsu
Nahu buta nawaitu palsu
Genggam di rejam amarah
Bagai keris tanpa arah yah
Pantang undur dicabar jangan
Lantang jurus dijabar tangan
Hulubalang dampingnya rapat
Salah tuju akhirnya ke liang lahad

(Nekad, 2019: Rangkap 7)

HasilNYA usah takut,
Dari Maha Pemberi,
Pasti **nasi di lutut**

(Zuhud, 2019: Rangkap 14)

"**Selendang Dunia**" hanya maya
Melindungi berjuta warganya
Berilusi
Jamahan matanya
Perhalusi
Jambatan "matanya"

(Makuta, 2020: Rangkap 2)

Bagi gaya bahasa hiperbola pula dapat dikesan di dalam lirik lagu Zuhud iaitu **nasi di lutut**. Berdasarkan pendapat pengkaji perkataan tersebut menggambarkan mengenai rezeki yang akan diberikan oleh pencipta. Manakala bagi lirik lagu Nekad pula, perkataan yang menunjukkan gaya bahasa hiperbola adalah **tujuh petala bumi dan langit**. Perkataan ini menunjukkan bahawa langit di bumi dibahagikan kepada tujuh lapisan yang dikenali sebagai troposfera, stratosfera, ozonsfera, mezosfera, termosfera, ionosfera, dan egzosfera. Setiap lapisan memiliki tahap tekanan, suhu, dan kandungan oksigen yang berbeza-beza. Lapisan troposfera merupakan lapisan yang paling bawah dan dekat dengan bumi. Bagi lirik lagu *Makuta* pula mendapati bahawa **Selendang Dunia** ini merupakan perkataan yang berlebihan. Perkataan ini bermaksud perhiasan yang terdapat dalam dunia ini. Secara pengetuan am, selendang tidak mampu menutup dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana selendang merupakan kain panjang yang digunakan untuk menutup kepala, leher atau bahu. Maka wujud persoalan bagaimana sehelai kain selendang dapat menutup dunia di alam semester.

Dengan itu berdasarkan teori teksdealisme melalui prinsip kehadiran mendapati bahawa terdapat perbezaan antara 16 buah lirik lagu tersebut. Perbezaan dapat dilihat berdasarkan kandungan gaya bahasa bagi lirik lagu tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana gaya bahasa yang wujud di dalam lirik lagu tersebut lebih nyata maknanya dan mudah difahami kerana penulis lirik menghasilkan lirik lagu berdasarkan pengalaman

yang hadir dan pemikiran yang tidak disengajakan. Prinsip kehadiran sebenarnya dapat dikesan berdasarkan idea atau pemikiran penulis itu sendiri. Setiap lirik lagu memiliki gaya bahasa yang berbeza dan kehadiran gaya bahasa tersebut mempengaruhi penghasilan lirik lagu yang berkualit dan mengandungi nilai estetika



4.3.2 FUNGSI PUISI DALAM LIRIK LAGU

Definisi bagi fungsi puisi dalam lirik lagu ini dapat didefiniskan sebagai ungkapan perasaan perasaan yang diungkapkan pengarang yang dituangkan dengan kata-kata yang padat dan kaya makna. Menurut William Hendri Gustin puisi merupakan ekspresi dari kehidupan yang memakai bahasa sebagai mediumnya atau apapun yang dihayati itu diungkapkan

4.3.2.1 Pendidikan

Berdasarkan lirik lagu yang telah dicipta oleh Kmy Kmo dan Luca Sikta mendapati bahawa lirik lagu berfungsi dalam pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap lirik lagu yang berhasil memberi banyak pengajaran. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan lirik lagu *7 Nasihat*. Berdasarkan kandungan lirik lagu *7 Nasihat* ini terdapat mesej yang melambangkan kesantunan Melayu dalam menegur. Maka kandungan lirik lagu tersebut mampu memberikan didikan atau pendidikan kepada pendengar terutamanya. Antara nasihat yang disampaikan berdasarkan lirik lagu tersebut adalah jika mahu mencapai kejayaan janglah mempunyai sifat yang sompong. Hal ini dikatakan demikian kerana bermula dengan sifat sompong maka akan wujud penyakit mudah berdendam, hasad dengki dengan orang lain. Selain itu, nasihat yang boleh dijadikan pendidikan kepada masyarakat adalah mendahulukan sifat hormat-menghormati. Hal ini kerana sifat menjadikan manusia lebih beradab terhadap orang lain. Nasihat lain adalah menjaga lidah dan tulisan. Dengan itu sebagai manusia jangan pernah lupa diri dan sentiasa bersihkan diri daripada perkara yang negatif. Bukan itu sahaja, nasihat lain yang disampaikan berdasarkan lirik lagu *7 Nasihat* adalah sentiasa melakukan

kebaikan semasa manusia dan mengingati pesanan yang disampaikan oleh ibu bapa terutamanya.

Berdasarkan lirik lagu yang berhasil melalui prinsip kehadiran di dalam teori teksdealisme ini dapat dijelaskan bahawa pengkaji menghasilkan lirik lagu yang berfungsi sebagai pendidikan adalah melalui pengalaman yang berlaku secara tidak sengaja dan sengaja. Pengalaman yang wujud dapat membantu pembentukan idea kepada penulis lirik terutamanya. Dengan itu, penulis hendaklah mengumpulkan sebanyak mungkin pengalaman daripada pelbagai sumber agar keunggulan pengarang itu sendiri dapat dihadirkan lagi.

4.3.2.2 Pengajaran

Lirik lagu yang dihasilkan Kmy Kmo dan Luca Sikta mampu memberi pengajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana kandungan lirik lagu ini memberi pengajaran kepada pendengar. Antara lirik lagu yang kaya dengan pendidikan adalah lirik lagu *Zuhud*. Lirik lagu yang dihasilkan adalah berdasarkan keadaan semasa masyarakat pada masa kini. Tajuk dan lirik lagu ini mengusulkan satu konsep yang sinonim dalam Islam iaitu *Zuhud* yang bukan sekadar menghargai dunia, tetapi mengutamakan akhirat dalam kehidupan seharian. Lirik lagu *Zuhud* ini merupakan pesanan kepada semua pendengar untuk tidak angkuh dengan nikmat yang miliki di dunia kerana itu semua hanya bersifat sementara, dan berbaliklah kepada matlamat utama iaitu mencapai bahagia di alam akhirat. Pengajaran yang dapat disimpulkan berdasarkan lirik lagu *Zuhud* adalah sebagai manusia hendaklah bersyukur dengan nikmat yang diberikan di dunia dan tidak merasa angkuh jika nikmat yang diberikan oleh pencipta lebih banyak berbanding permintaan masing-masing.

Lirik lagu *Neraca* ini juga mampu memberi pengajaran kepada pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana lirik lagu *Neraca* merupakan sebuah lagu yang berkisar tentang gejala sosial yang kian menular dalam masyarakat sekarang. Berdasarkan mesej yang disampaikan

tersebut maka pendengar akan dapat pengajaran daripada mesej tersebut. Antara pengajaran yang boleh dimiliki adalah masyarakat hendaklah sentiasa berpegang kepada suruhan dan larangan-Nya sebagai umat Islam. Bukan itu sahaja, masyarakat hendaklah sentiasa muhasabah diri agar diri tidak terpesong kearah yang tidak sepatutnya. Di dalam lirik lagu ini sebenarnya memiliki mesej dan pengajaran yang sangat bagus untuk masyarakat kini.

Berdasarkan prinsip kehadiran di dalam teori teksdealisme mendapati bahawa lirik lagu yang terhasil daripada pemikiran penulis yang ingin menyampaikan mesej yang berbaur pengajaran namun dilakukan secara tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana penghasilan lirik lagu ini dapat dicipta berdasarkan ilham, bayangan, ingatanataupun kenangan terhadap masa lampau. Menurut Mana Sikana (1996) bahawa prinsip kehadiran ini mempunyai dua bentuk iaitu bentuk yang beterusan berdasarkan pengamatan yang dilakukan oleh penulis sebelum penghasilan lirik lagu ini.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.4 Impak Lirik Lagu Rap Kepada Pelajar Universiti Malaysia Kelantan

Jadual di bawah menunjukkan analisis latar belakang responden secara peratusan berdasarkan bahagian A, B, dan C.


Jadual 3 : Latar belakang responen

Kategori	Bilangan (Orang)	Peratusan (%)
JANTINA	PEREMPUAN	26
	LELAKI	24
UMUR (TAHUN)	19-21	13
	22-24	33
	25-27	4
	MELAYU	46
BANGSA	CINA	0
	INDIA	0
	LAIN-LAIN	4

4.4.1 Analisis Jantina Responden

Jadual 4 : Jantina responden

Bil.	Jantina	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Perempuan	26	52
2.	Lelaki	24	48
	Jumlah	50	100




Rajah 1 : Jantina responden

Kajian ini melibatkan 50 orang responden yang terdiri dari 52% (26 orang) responden perempuan, manakala 48% (24 orang) adalah responden lelaki. Daripada perangkaan ini, pengkaji mendapati bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah pelajar di Universiti Malaysia Kelantan tidak seimbang antara jantina. Maka dengan itu agak sukar untuk pengkaji mendapatkan responden yang seimbang antara lelaki dan perempuan.

4.4.2 Analisis Umur Responden

Jadual 5 : Umur responden

Bil.	Umur	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	19-21 tahun	33	66
2.	22-24 tahun	13	26
3.	25-27 tahun	4	8
	Jumlah	50	100




Rajah 2 : Umur responden

Berdasarkan rajah 2 di atas menunjukkan umur responden. Umur responden adalah antara 19 hingga 27 tahun dan dibahagikan mengikut tiga peringkat umur. Lingkungan pertama terdiri daripada responden yang berumur 19 hingga 21 tahun iaitu 26% (13 orang). Manakala untuk umur responden 22 hingga 24 tahun pula sebanyak 66% atau 33 orang. Akhir sekali, responden yang berumur 25 hingga 27 tahun adalah sebanyak 8% atau sebanyak empat orang sahaja. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden yang menjawab kaji selidik ini terdiri daripada umur 22 hingga 24 tahun.

4.4.3 Analisis Bangsa Responden

Jadual 6 : Bangsa respondn

Bil.	Bangsa	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Melayu	46	92
2.	Cina	0	0
3.	India	0	0
4.	Lain-lain	4	8
	Jumlah	50	100



Rajah 3 : Bangsa responden

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa daripad 50 orang responden ini, seramai 46 orang (92%) adalah berbangsa Melayu. Selebihnya iaitu 4 orang iaitu sebanyak 8% adalah responden yang mempunyai lain-lain bangsa selain daripada bangsa Melayu, Cina, dan India.

4.4.4 Analisis Pengaruh Bahasa Puitis


- i. Adakah anda memahami mengenai bahasa puitis?

Jadual 7 : Memahami mengenai bahasa puitis

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	43	86
2.	Tidak	7	14
	Jumlah	50	100

Adakah anda memahami mengenai bahasa puitis?

50 responses



Rajah 4 : Memahami mengenai bahasa puitis

Berdasarkan rajah di atas, pengkaji mendapati bahawa majoriti bahawa terdapat 43 orang (86%) memahami bahasa puitis. Manakala responden yang tidak memahami bahasa puitis ini tidak banyak hanya 7 orang iaitu (14%) daripada keseluruhan responden.


- ii. Adakah anda mengenali lirik lagu Kmy Kmo dan Luca Sikta?

Jadual 8 : Mengenali lirik lagu Kmy Kmo dan Luca Sikta

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	18	36
2.	Tidak	32	64
	Jumlah	50	100

Adakah anda mengenali lirik lagu Kmy Kmo dan Luca Sikta?

50 responses



Rajah 5 : Mengenali lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta


Berdasarkan rajah 5 diatas mendapati bahawa tidak ramai yang mengenali penyanyi duo ini iaitu Kmy Kmo dan Luca Sikta. Hal ini dapat dibuktikan bahawa hanya 36% iaitu 18 orang sahaja yang mengenal penyanyi tersebut. Majoriti tidak mengenali Kmy Kmo dan Luca Sikta adalah 64% iaitu seramai 32 orang. Berkemungkinan besar penyanyi ini jarang menonjolkan diri di media massa menyebabkan tidak ramai yang mengenali mereka.

- iii. Adakah bahasa puitis dapat mempengaruhi kehidupan pada masa kini?

Jadual 9 : Bahasa puitis dapat mempengaruhi kehidupan pada masa kini

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	47	94
2.	Tidak	3	6
	Jumlah	50	100

Adakah bahasa puitis dapat mempengaruhi kehidupan pada masa kini?
50 responses



Rajah 6 : Bahasa puitis dapat mempengaruhi kehidupan pada masa kini


Berdasarkan rajah 6 berikut mendapati bahawa responden percaya bahawa bahasa puitis ini mempengaruhi kehidupan pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti responden iaitu seramai 47 orang yakin bahawa puitis ini mempengaruhi kehidupan pada masa kini. Manakala bilangan yang tidak yakin bahawa bahasa puitis ini mempengaruhi kehidupan masa kini adalah seramai 3 orang iaitu 6% sahaja.

- iv. Pada pendapat anda, adakah bahasa puitis wajar didedahkan pada peringkat awal di sekolah?

Jadual 10 : Bahasa puitis wajar didedahkan pada peringkat awal di sekolah

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	43	86
2.	Tidak	7	14
	Jumlah	50	100

Pada pendapat anda, adakah bahasa puitis wajar didedahkan pada peringkat awal di sekolah?
50 responses



Rajah 7 : Bahasa puitis wajar didedahkan pada peringkat awal di sekolah

Berdasarkan rajah 7, pengkaji mendapati bahawa majoriti responden setuju jika bahasa puitis wajar didedahkan pada peringkat awal di sekolah. Sebagai buktinya sebanyak 86% iaitu 43 orang setuju dan 14% iaitu 7 orang tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Responden yang bersetuju dengan beberapa sebab iaitu responden mendapati bahawa bahasa puitis ini mampu memberi pendedahan yang awal kepada pelajar-pelajar

di sekolah. Selain itu, bahasa puitis mampu meningkatkan pengetahuan mengenai keindahan bahasa dan maksud tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan berdasarkan kajian yang dilakukan. Bukan itu sahaja, kebanyakan anak muda terutamanya daripada kalangan pelajar sekolah, tidak dapat berbahasa melayu dengan sempurna. Terdapat juga segelintir pelajar yang berbangsa dan beribu bapakan orang melayu, tidak dapat bertutur dalam bahasa melayu dengan sempurna. Ada juga yang beranggapan bahawa, bertutur dengan menggunakan bahasa melayu, dikira sebagai satu perbuatan yang "kuno", "jumud" dan "kolot" oleh sesetengah pihak. Oleh itu, perkara ini sedikit sebanyak, menyumbang kepada keruntuhan sesebuah institusi bangsa di mana, bahasa ibunda iaitu bahasa melayu tidak lagi dapat dimartabatkan dan dituturkan dengan fasih oleh penuturnya. Justeru, saya menggesa semua pihak sama ada kerajaan atau bukan kerajaan, untuk melaksanakan langkah yang holistik dalam memartabatkan semula bahasa melayu dalam kalangan anak muda terutamanya pelajar sekolah agar martabat dan kedaulatan bahasa melayu sebagai bahasa pengantar utama di negara kita Malaysia, kekal terpelihara. Pendapat lain daripada responden adalah jika mempelajari bahasa puitis pada peringkat awal persekolahan, kesusasteraan dapat dikembangkan disamping bahasa puitis juga memberi impak kejiwaan terhadap pembaca, dan mengambarkan makna tersirat dalam mesej yang ingin disampaikan oleh penulis.

4.4.5 Analisis Pengaruh Pemikiran Masyarakat


- i. Adakah lagu rap boleh mempengaruhi pemikiran pelajar UMK?

Jadual 11 : Lagu rap boleh mempengaruhi pemikiran pelajar UMK

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	45	90
2.	Tidak	5	10
	Jumlah	50	100

Adakah lagu rap boleh mempengaruhi pemikiran pelajar UMK?

50 responses



Rajah 8 : Lagu rap boleh mempengaruhi pemikiran pelajar UMK


Menurut rajah 8 diatas mendapati bahawa responden setuju bahawa lagu rap mampu mempengaruhi pemikiran pelajar UMK. Buktinya terdapat 45 orang (90%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut adalah 5 orang (10%).

- ii. Adakah lirik lagu rap dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat?

Jadual 12: Lirik lagu rap dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	43	86
2.	Tidak	7	14
	Jumlah	50	100

Adakah lirik lagu rap dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat?
50 responses



Rajah 9 : Lirik lagu rap dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat

Berdasarkan rajah 9 ini mendapati bahawa responden percaya bahawa lagu rap dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat. Terdapat seramai 43 orang (86%) yang setuju berkaitan dengan pernyataan tersebut. Manakala seramai 7 orang iaitu 14% daripada keseluruhan responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.


iii. Adakah lirik lagu rap mengandungi nilai moral?

Jadual 13 : Lirik lagu rap mengandungi nilai moral

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	44	88
2.	Tidak	6	12
	Jumlah	50	100

Adakah lirik lagu rap mengandungi nilai moral?

50 responses



Rajah 10 : Lirik lagu rap mengandungi nilai moral

Berdasarkan rajah 10 di atas menunjukkan bahawa lirik lagu rap memiliki nilai moral. Dengan itu, responden majoriti setuju dengan pernyataan tersebut kerana seramai 44 orang atau 88% daripada keseluruhan responden. Selain itu, hanya 6 orang (12%) yang tidak setuju dengan pernyataan tersebut.


- iv. Adakah lirik lagu rap mengandungi mesej yang positif?

Jadual 14 : Lirik lagu rap mengandungi mesej yang positif?

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	46	92
2.	Tidak	4	8
	Jumlah	50	100

Adakah lirik lagu rap mengandungi mesej yang positif?

50 responses



Rajah 11 lirik lagu rap mengandungi mesej yang positif?

Berdasarkan rajah 11 tersebut dapat disimpulkan bahawa responden yang bersetuju dengan pernyataan lirik lagu rap mengandungi mesej yang positif adalah seramai 46 orang (92%). Manakala mereka yang tidak setuju bahawa lirik lagu rap ini mengandungi mesej positif adalah seramai 4 orang atau (8%) sahaja. Pengkaji mendapati bahawa lirik lagu rap ini memiliki maksud yang pelbagai berdasarkan fahaman masing-masing. Bagi yang tidak setuju dengan pernyataan ini adalah disebabkan oleh mereka tidak memahami mesej yang ingin disampaikan berdasarkan lirik lagu rap tersebut.


- v. Adakah lirik lagu rap ini mempengaruhi jiwa anda?

Jadual 15 : Lirik lagu rap ini mempengaruhi jiwa anda

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	39	78
2.	Tidak	11	22
	Jumlah	50	100

Adakah lirik lagu rap ini mempengaruhi jiwa anda?

50 responses



Rajah 12 : Lirik lagu rap ini mempengaruhi jiwa anda

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan terhadap 50 orang responden mendapati bahawa seramai 39 orang (78%) percaya bahawa lirik lagu ini mampu mempengaruhi jiwa mereka. Walaubagaimanapun terdapat beberapa orang responden tidak setuju bahawa lirik lagu rap mempengaruhi jiwa mereka iaitu sebanyak 11 orang (22%).


- vii. Pada pendapat anda, adakah lirik lagu rap ini diangkat sebagai medium untuk menghubungkan sosial masyarakat?

Jadual 16 : Lirik lagu rap ini diangkat sebagai medium untuk menghubungkan sosial masyarakat

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	43	86
2.	Tidak	7	14
	Jumlah	50	100

Pada pendapat anda, adakah lirik lagu rap ini diangkat sebagai medium untuk menghubungkan sosial masyarakat?

50 responses



Rajah 13 : Lirik lagu rap ini diangkat sebagai medium untuk menghubungkan sosial masyarakat

Berdasarkan rajah di atas menunjukkan bahawa responden yang setuju bahawa lirik lagu rap ini dapat diangkat sebagai medium untuk menghubungkan sosial masyarakat adalah sebanyak 86% iaitu seramai 43 orang. Responden yang tidak setuju bahawa lirik lagu rap ini adalah sebagai medium untuk menghubungkan sosial masyarakat adalah sebanyak 14% atau seramai 7 orang sahaja.

4.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan beberapa aspek penting berkaitan kajian yang dilakukan. Kajian yang dijalankan adalah menyentuh berkaitan tema pemikiran penulis, konsep puisi, dan impak lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta. Hal ini dapat dibuktikan bahawa penulis lirik lagu rap ini telah mencapai tahap keunggulan pengarang. Bukan itu sahaja, ia dapat dibuktikan bahawa lirik lagu yang terhasil telah dapat memberi kesan kepada pendengar dan peminat lagu rap. Kajian ini dapat disimpulkan bahawa Kmy Kmo dan Luca Sikta merupakan penulis yang memiliki sifat kepengarangan yang jelas. Kajian ini juga memperlihatkan mengenai Teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Mana Sikana dengan menggunakan prinsip kehadiran bagi penganalisan terhadap data secara berkesan.



BAB 5

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan membuat kesimpulan secara keseluruhan tentang kajian yang dilakukan iaitu *Representasi Lirik Lagu Rap Kmy Kmo dan Luca Sikta : Satu Analisis Kepengarangan*. Pada bab ini, pengkaji akan perhaluskan rumusan setiap aspek yang dikemukakan oleh pengkaji melalui pemikiran Kmy Kmo dan Luca Sikta, konsep puisi lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta melalui teori teksdealisme di bawah dua prinsip iaitu prinsip kehadiran, dan impak lirik lagu rap kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmana ciri kepengarangan Kmy Kmo dan Luca Sikta dalam penghasilan lirik lagu mereka. Justeru itu, di dalam bahagian ini pengkaji memaparkan beberapa cadangan atau penambahbaikan sebagai rujukan kajian yang akan datang.

5.2 PERBINCANGAN

Berdasarkan perbincangan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kepengarangan Kmy Kmo dan Luca Sikta di dalam lirik lagu mereka sememangnya bertemakan kemasyarakatan, moral, dan ketuhanan. Tema kemasyarakatan banyak diketengahkan oleh penulis lirik lagu ini berdasarkan kajian yang bertajuk *Representasi Lirik Lagu Rap Kmy Kmo dan Luca Sikta: Satu Analisis Kepengarangan*. Hal ini dikatakan demikian kerana kepelbagaiannya ragam masyarakat kini telah membuatkan penulis ingin menyampaikan nasihat dengan cara penulisan lirik lagu ini. Kandungan lirik lagu dapat dibuktikan bahawa ini mampu mempengaruhi hubungan perlakuan sama ada baik atau keji, betul atau salah, diingini atau tidak diingini. Kandungan lirik lagu ini telah memberi impak moral kepada pendengar lagu rap tersebut. Bukan itu sahaja, lirik lagu tersebut memiliki kandungan ketuhanan iaitu mengangkat keagungan pencipta.

Selain itu, kajian ini turut menyaksikan bahawa penulis lirik sebagai pengarang telah menggunakan gaya bahasa dan fungsi puisi untuk memberi kesan yang lebih mendalam dalam penulisan karya mereka. Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan penulis lirik lagu ini amat mementingkan penggunaan puisi. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan puisi dalam sebuah lirik lagu dapat memberi kesan atau emosi yang mampu mempengaruhi perasaan dan fikiran pendengar. Sebagai contoh penggunaan unsur yang mampu mewujudkan emosi seseorang pendengar seperti nada, irama, dan kata-kata yang membawa kesan terhadap pancaindera. Dengan itu, penggunaan gaya bahasa yang mampu menyerlahkan fungsi puisi ini sangat memainkan peranan penting dalam pembinaan sebuah lirik lagu terutama lirik lagu rap. Penggunaan puisi memainkan peranan penting dalam sesebuah lagu terutama dalam pemilihan diktis terbaik, puitis dan

harmoni agar kekal diminati dan diingati sepanjang zaman.

Bukan itu sahaja, berdasarkan kajian ini mendapati bahawa lirik lagu ini telah memberi impak kepada pendengar terutama sekali kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Hal ini dikatakan demikian kerana pengaruh lirik lagu rap yang telah membuka mata pelajar-pelajar akan makna sebenar lirik lagu tersebut dihasilkan. Kebanyakkan lirik lagu rap mengandungi kepelbagaian nasihat yang boleh dijadikan contoh masyarakat kini iaitu terdiri daripada golongan muda. Gabungan kepelbagaian kata dalam lirik lagu dapat menghasilkan sebuah karya yang bukan sahaja dapat diamati dengan mata kasar malah dapat memberi pelbagai tafsiran yang boleh menjelaskan makna sesbuah lagu kepada pelajar terutamanya.

Oleh itu, dengan menggunakan prinsip kehadiran ini, kajian ini mendapati bahawa penulis lirik ini adalah seorang pemerhati suasana sekeliling. Hal ini dikatakan demikian kerana segala kejadian sekeliling ditafsirkan melalui penulisan lirik lagu. Penggunaan bahasa yang tidak terbatas dalam lirik lagu rap bagi menyampaikan pesanan dan gambaran keadaan pada masa kini. Penulis telah menggunakan bahasa yang lebih baik dalam penyampaian intipati lirik lagu dengan definisi yang tertentu. Kajian seperti ini perlu diteruskan kerana lirik lagu bukan sekadar hiburan semata-semata untuk menyedapkan telinga pendengar sahaja, bahkan sebagai suri teladan kepada masyarakat yang menerapkan konsep nasihat dan pengalaman. Lirik lagu boleh digunakan sebagai sumber rujukan atau contoh untuk generasi akan datang, membolehkan mereka melihat corak kehidupan yang digambarkan oleh lirik pada masa lalu. Oleh itu, penyelidikan sedemikian boleh digunakan untuk penghasilan lirik, dan juga kepada bidang linguistik dan psikolinguistik yang lain.

5.3 CADANGAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan sebagai rujukan untuk kajian akan datang. Berdasarkan hasil analisis kajian yang dijalankan, beberapa saranan akan dikemukakan kepada pelbagai pihak untuk memperbanyakkan kajian berkaitan karya lirik lagu rap, supaya dapat menjana minat dan dijadikan rujukan semua pihak.

Sehubungan dengan itu, cadangan pengkaji yang pertama adalah menjurus kepada penulisan karya lirik lagu. Umum mengetahui bahawa penulis lirik lagu rap sememangnya kurang mendapat perhatian daripada pihak atasan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka bergiat aktif hanya dibelakang tabir sahaja. Pihak bertanggungjawab perlu mengangkat penulis karya lirik lagu terutamanya lirik lagu rap. Pihak tersebut perlu memberi anugerah kepada penulis lirik lagu yang dapat menghasilkan lirik lagu yang berkualiti. Kandungan lirik lagu rap yang memiliki banyak makna tersirat dan tersurat. Penganugerahan ini dapat memberi kesan kepada penulis lirik untuk menghasilkan lebih banyak lagi karya yang memiliki intergiti mereka sendiri.

Cadangan lain pula adalah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) perlu menerbitkan karya lirik lagu terutamanya yang mengandungi puisi. Puisi yang digunakan dalam lirik lagu tersebut boleh dijadikan sebahagian konteks karya DBP. Usaha DBP mempromosikan puisi dalam lirik dapat membawa lebih ramai orang ke dalam masyarakat dan memberi peluang kepada artis muda. Alasan untuk mengatakan ini adalah kerana kebanyakan penulis lirik lagu rap adalah anak muda. Seniman muda seperti mereka merupakan golongan yang mempunyai potensi kreatif dan berani meluahkan fikiran melalui puisi. Para penyelidik juga menyatakan idea, seperti menganjurkan program seperti menulis puisi dalam lirik secara terbuka, bukan hanya kepada orang yang

berpengalaman.

Seterusnya, cadangan pengkaji adalah terhadap penulis dan para pengkaji serta pengkritik. Bagi para penulis khusunya penulis baharu dalam penulisan lirik lagu yang mengandungi puisi agar untuk selalu mempelbagaikan gaya penulisan lirik lagu seperti lirik lagu rap yang berunsurkan keagamaan dan politik. Hal ini kerana, menurut pengkaji sekiranya sesuatu penghasilan lirik lagu itu hendaklah meneliti aspek kepentingan untuk dijadikan bahan kajian. Kehebatan dan keunggulan sesuatu pekerjaan pastinya dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Bukan itu sahaja, malah dalam beberapa kajian, pengkaji juga dapat menyaksikan kepengarangan penulis lirik dan meletakkan sudut pandangan tertentu dalam kajiannya, yang dapat menarik pengkaji sebagai pembaca yang cuba mendedahkan pelbagai aspek kajian dan segala kajian. melalui analisis. Prinsip teori yang digunakan. Ini menggalakkan rasa ingin tahu dan memberikan pengkaji pengetahuan yang meningkatkan lagi kecerdasan penyelidik yang juga pelajar.

Bukan itu sahaja, kepada para pengkaji mahupun para pengkritik perlulah memperluaskan lagi aspek kajian kepengarangan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, untuk menambahkan bahan rujukan kepada para pengkaji yang seterusnya. Sebagai contoh kajian yang berkaitan dengan lirik lagu rap. Kepengarangan penulis lirik lagu tersebut dapat didedahkan berdasarkan pelbagai aspek kajian agar kajian yang dilakukan bermanfaat dan penting kepada semua pihak. Hanya lagu rap yang mempunyai unsur sosial dalam liriknya. Menurut kajian itu menganalisis dan menerangkan berdasarkan teori. Melalui kajian masa depan, penyelidik juga menyediakan lirik cadangan untuk lagu rap lain seperti Malique dan Underground Rappers dapat memberi perhatian seperti mentafsir keputusan boleh membuat perbezaan dalam penyelidikan. Jenis lirik lagu rap semakin diterima dalam masyarakat Malaysia. Maka dengan iti dapat dilihat bahawa

analisis lirik lagu tersebut perkara penting.

Akhir sekali, cadangan pengkaji adalah perlu melakukan penelitian dengan baik oleh pihak institusi. Pihak institusi perlu menyedarkan pelajar untuk tidak memandang rendah penghasilan lirik rap yang sememangnya mengandungi kandungan puisi. Tambahan pula, cadangan pengkaji untuk teori yang dikaji perlu diperkenalkan semula di peringkat sekolah. Hal ini demikian kerana pada awalnya mendedahkan pelajar kepada teori akan memudahkan dan menyediakan mereka untuk melatih diri sebagai penyelidik dan pengkritik sesuatu kajian. Pengkaji juga menyarankan agar institusi pendidikan menawarkan lebih banyak bidang kesusastraan di peringkat universiti agar bidang ini akan terus diangkat dan dimartabatkan oleh generasi kini dan akan datang.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kepengarangan Kmy Kmo dan Luca Sikta dalam penghasilan lirik lagunya sememangnya menyentuh mengenai kemasyarakatan. Penulis lirik lagu telah membutikan bahawa lagu yang digemari oleh orang lain, perlu membuka minda orang ramai dan memberi perhatian yang lebih kepada liriknya. Walaupun tidak semua lirik itu mempunyai makna yang indah dan memberi inspirasi, fakta telah membuktikan bahawa di sebalik makna yang indah itu adalah buli lisan. Bukan itu, sahaja sebagai medium hiburan, malah harus lebih berhati-hati ketika mentafsir mesej dalam lirik lagu. Tuntasnya, melalui perbincangan yang dilaksanakan serta saranan dan cadangan yang dikemukakan, diharap dapat impak permulaan kepada pengkaji lain dalam melakukan kajian yang lebih mendalam berkaitan lirik lagu rap -ataupun genre- genre yang lain melalui prinsip kehadiran di dalam Teori Teksdialisme.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Afandi, E. GAYA KEPENGARANGAN ANDREA HIRATA DALAM NOVEL SANG PEMIMPI
- Ali, A. H. (2011). Proses kreativiti A. Samad Said berdasarkan teori teksdealisme. *Jurnal Melayu*, 6, 153-168.
- Aminudin, A., Thoha, M., & Effendi, S. (1995). Persepsi aparat tentang pelembagaatebu rakyat intensifikasi (TRI) di Kabupaten Klaten= The Apparatus Perception of Institutionalization of the TRI (Intensification of People's Sugar Cane) Program in Klaten Regency. *Berkala Penelitian Pasca Sarjana*, 8(1995).
- Arba'ie Bin, S. U. J. U. D. Interpretasi Pemikiran Dan Peggunaan Pengungkapan Dalam Sajak-Sajak Dewan Sastera.
- Awang, H., & Ismail, H. (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.
- Beden, S. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme. *PENDETA*, 10, 36-56.
- Campbell, P.S. & Scott-Kassner, C. (1995). *Music in Childhood*. London Prentice Hall International
- Chaplin, J.P. 2006. Kamus Lengkap Psikologi. Jakarta : PT. Raja Grafindo Persada
- Din, G. (2016). *Kepengarangan Muhammad Haji Salleh berdasarkan model proses kreatif teksnali* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Fauzi, H. (2019). *Keunggulan kepengarangan Faisal Tehrani dari perspektif teksdealisme/Fauzi Hasan* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- GHAZALI, M. F. M., & JABAR, N. A. (2020). Interpretasi resensi sastera menerusi lirik lagu tolong ingatkan aku. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 8(2), 35-53.
- Halliday, A. K. & Matthiessen, C.M (2004). *Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Hamadun, F., Abdillah, N., Yusoff, N., & ADZLI, N. S. A. N. (2021). Representasi Stailistik Filem Hang Tuah (1956). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 1-17.
- Hidayat, R. (2014). Analisis Semiotika Makna Motivasi Pada Lirik Lagu "Laskar Pelangi" Karya Nidji. *eJournal Ilmu Komunikasi. Samarinda: Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik. Universitas Mulawarman*.

- Hobson, J. M., & Hobson, J. M. (2004). *The Eastern origins of Western civilisation*. Cambridge university press.
- Imam, A. F. (2012). Analisis wacana Van Dijk pada lirik lagu Irgaa Tani (my heart will go on). *Lisanul Arab: Journal of Arabic Learning and Teaching*, 1(1).
- Jodie Yap, S. W. (2018). *Representasi gender dalam filem bertema kepolisan/Jodie Yap Siew Wen* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Tarigan, H. G. (1985). *Psikolinguistik*. Angkasa.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Keris Mas (1990). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka
- Keraf, Gorys. 2008. *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- King, N (2008). Generic Womenhood Gendered Depiction in Cop Action Cinema. *Gender & Society*, Vol. 22 (2). 238-260. DOI: 10.1177/0891243207310715.
- Ku Mohd Shahabudin, K. N. A. (2022). *Transkripsi Keupayaan Teksdealisme Dalam Mengangkat Keunggulan Karya-Karya Thriller Ramlee Awang Murshid* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Lestari, D. (2016). *SUPERNOVA 1: Kesatria, Putri dan Bintang Jatuh* (Vol. 1). Bentang Pustaka.
- Lusi, A. (2018). *Kepengarangan Azwar Sutan Malaka: Tinjauan Sosiologi Sastra* (Doctoral dissertation, Universitas Andalas).
- Mana Sikana. (1996). *Pembangunan Seni & Sastera*. Jabatan Persuratan Melayu
- Marzuki, D. U. (2013). *Representasi animasi Wayang Kulit dalam bentuk digital: filem animasi The Guardian* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA (Kampus Puncak Perdana)).
- Maznida, M. (2021). *Kecerdasan emosi lelaki dalam novel-novel terpilih Anwar Ridhwan dan Haruki Murakami: Kajian perbandingan/Maznida Mahadi* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Ming, D. C. (2009). Beberapa sifat, asal usul dan kepenggarangan peribahasa Melayu. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 3-26.
- Muzakka, M. (2020). Nilai-Nilai Profetik dalam Dua Lirik Lagu Karya Rhoma Irama Kajian terhadap Lirik Lagu “Akhlak” dan “Virus Corona”. *Nusa: Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra*, 15(1), 13-22.

- Nathaniel, A., & Sannie, A. W. (2018). Analisis semiotika makna kesendirian pada lirik lagu "Ruang Sendiri" karya Tulus. *SEMIOTIKA: Jurnal Ilmu Sastra Dan Linguistik*, 19(2), 107-117.
- Nazir, F. (2013). Ragam bahasa komuniti Pakistan: Suatu analisis linguistik. *Journal of Techno-Social*, 5(1).
- Ningtyas, C. I., Hum, S., Rosmiati, E., Dewa, F. S., Sos, S., Hardianti, F., ... & Suminar, J. R. Seminar Nasional MACOM II, 8 Agustus 2018.
- Nor'aini Tahir, R., & Zakaria, Z. (2007). Perkembangan Kognitif & Pembelajaran Kanak-kanak.
- Othman, H. (2017). *Representasi imej pelancongan berdasarkan warisan diraja di Bandar Kuala Kangsar, Perak dari perspektif pengurusan lestari pelancongan* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- PANEO, N., & INDONESIA, P. P. B. D. S. (2017). Analisis Ginokritik terhadap Kepengarangan Nh. Dini dalam Karyanya "Namaku Hiroko". *Skripsi*, 1(311410066).
- Pateda, L. (2016). Gaya Kepengarangan Tere Liye dalam Novel "Moga Bunda Disayang Allah Tinjauan Retorika-stilistika. *Al-Lisan: Jurnal Bahasa (e-Journal)*, 1(1), 77-101.
- Ramli, F. N. A., & Wahid, A. (2019). Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka: Suatu pengenalan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 14, 35-48.v
- Reynaud, D. (1999). Convention and contradiction: representations of women in Australian war films, 1914–1918. *Australian Historical Studies*, 29(113), 215-230.
- Sahragard, D. R., & Davatgarzadeh, G. (2010). The Representation of Social Actors in Interchange Third Edition Series: A Critical Discourse Analysis. *The Journal of Teaching Language Skills (JTLS)*, 67-89.
- Sajjad Kabgani (2013). The Representation of Muslim Women in Non-Islamic Media: A Critical Discourse Analysis Study on Guardian. *International Journal of Women's Research*, 2(1), Spring 2013, pp. 57 – 7
- Samah, R. A. (2019). Gaya Keibubapaan Dalam Novel Komsas Sukar Membawa Tuah Dan Merenang Gelora Berdasarkan Analisis Teksdealisme. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 192-216.
- Shaari, R. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Malaysia.
- Subramaniam, D. (2000). *Nilai-nilai murni dalam lirik lagu-lagu Kannadasan* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

- Sujud, A. I. (1999). *Estetika dalam lirik lagu-lagu nyanyian P. Ramlee* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- SULONG, S. N. R. B. (2017). *Wacana Kontekstual Dalam Lirik Lagu Pekaka Bercerita*.
- Sunderland, J & McGlashan, M (2012). The Linguistic, Visual and Multimodal Representation of Two Mum and Two dad Families in Childrens's Picturebook. *Language and Literature*, 21 (2).189-210.
- Suningsih, A., & Istiani, A. (2021). Analisis Kemampuan Representasi Matematis Siswa. *Mosharafa: Jurnal Pendidikan Matematika*, 10(2), 225-234
- Sutanto, O. (2017). Representasi Feminisme Dalam Film "Spy". *Jurnal E-Komunikasi*, 5(1).
- Syed Arabi Idid. (1998). Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tan, S. C. (2018). *Representasi kasih sayang dan kesetiaan dalam filem Hachiko Monogatari/Tan Swee Ching* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Wahid, A. N., & Saddhono, K. (2017). Ajaran moral dalam lirik lagu dolanan anak. *MUDRA Jurnal Seni Budaya*, 32(2).
- Wantah, M. J. (2005). Pengembangan disiplin dan pembentukan moral pada anak usia dini. *Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional*.
- Wibowo, G. (2019). Representasi Perempuan dalam Film Siti. *Nyimak: Journal of Communication*, 3(1), 47-59.
- Wijaya, D. P., & Prasetyadi, A. (2019). Analisis Distribusi dan Pola Kepenggarangan Artikel pada Jurnal Riset Geologi dan Pertambangan Tahun 2009-2018. *Bibliotech: Jurnal Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, 4(1).
- Winarni, R. W. (2010). Representasi kecantikan perempuan dalam iklan. *Deiksis*, 2(02), 134-152.